



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGALKEDUA
Second Session

Jilid II Bil. 13 Hari Jumaat 15hb Julai, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 36)**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang
(Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan) (Ruangan 37)**

**Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia
(Pemerbadanan) (Ruangan 60)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 15hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

AL-QURAN CETAKAN SALAH

1. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak al-Quran yang diserahkan balik kepada Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai cetakan salah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor**]: Tuan Yang di-Pertua, penyemakan naskhah-naskhah al-Quran adalah dibuat oleh Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Percetakan Teks al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri dan bukan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Lembaga tersebut setakat ini telah mengesan 4 cetakan yang mengandungi kesalahan-kesalahan. Antara lain iaitu:

- (a) Naskhah al-Quran cetakan al-Maarif, Pulau Pinang.
- (b) Naskhah al-Quran cetakan Taj Co. Ltd., Lahor, Pakistan.
- (b) Naskhah al-Quran cetakan al-Amin, Singapura.
- (d) Quran Computer dari Syarikat ALMR, Bangkok.

Puan Habidah binti Jusoh: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri adakah terdapat pekerja-pekerja yang mencetak al-Quran itu terdiri daripada orang-orang bukan Islam dan kalau orang bukan Islam akan diwajibkan mereka mempunyai wuduk. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini siasatan sedang dijalankan untuk mengetahui siapakah pekerja-pekerja di syarikat-syarikat yang berkenaan, cuma pada kebiasaannya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja yang berkaitan dengan aspek-aspek yang teknikal yang berkaitan dengan mesin misalnya, maka sudah tentu perkara itu tidak terhad kepada orang-orang Islam sahaja.

Sama ada diperlukan wuduk ataupun tidak, kita akan merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk menentukan dalam keadaan bekerja sedemikian sama ada perlu ambil wuduk ataupun tidak. Kalau perlu ambil wuduk berapa banyak paip kena disediakan. Itu kita belum tahu lagi, mungkin kena berulang acapkali sana sini susah, kalau susah masuk dalam bab darurat dan kalau darurat tidak mengapa.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah percetakan dalam negeri ini pernah melakukan kesilapan seperti itu di masa-masa yang lalu?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita hanya dapat mengesan 4 syarikat sahaja yang menerbitkan al-Quran yang terdapat kesalahan. Tentang pihak-pihak lain dalam negeri ini, kita masih meneliti kerana penubuhan Lembaga ini masih baru dan kerjasama sedang dibuat dengan pihak percetakan antarabangsa untuk memastikan bahawa semua urusan percetakan

diuruskan menerusi sistem yang modern iaitu misalnya di sebuah negara Islam kalau terdapat satu titik tambah pun seluruh mesin akan berhenti.

KELAB KOMPUTER SEKOLAH

2. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (i) bilangan sekolah yang mempunyai Kelab Komputer;
 - (ii) adakah Kementerian berhajat untuk memperkenalkan matapelajaran Sains Komputer dalam Kurikulum sekolah menengah;
 - (iii) jika ya, bilakah pihak Kementerian ingin melaksanakannya; dan
 - (iv) apakah perbelanjaan yang dikenakan untuk tujuan tersebut.

Menteri Pendidikan [**Tuan Anwar bin Ibrahim**]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bilangan sekolah yang mempunyai kelab komputer ialah lebih kurang 500 buah.

Kementerian tidak berhajat atau bercadang untuk memperkenalkan matapelajaran sains komputer dalam kurikulum sekolah menengah. Namun perkara yang digalakkan ialah untuk memperkenalkan matapelajaran pengenalan komputer dengan maksud memberikan pendedahan tentang ilmu dan kegunaan komputer kepada anak-anak. Oleh kerana cadangan ini masih di peringkat awal dan menelan belanja yang agak tinggi, Kementerian belum membuat satu kajian yang menyeluruh tentang implikasi kewangannya.

AGENSI KERAJAAN DISWASTAKAN

3. **Tuan G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) agensi-agensi Kerajaan yang akan diswastakan pada tahun ini;

- (b) agensi-agensi yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk diswastakan sepanjang masa; dan
- (c) masalah dan konstrain dihadapi oleh Kerajaan dalam penswastakan agensi-agensi Kerajaan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman**]: Tuan Yang di-Pertua, dua buah agensi Kerajaan dijangka akan diswastakan pada tahun ini ialah Percetakan Keselamatan Jabatan Percetakan Negara dan Pelabuhan Melaka.

Kerajaan telah mengenalpasti beberapa buah agensi Kerajaan yang sesuai untuk diswastakan di samping itu banyak lagi agensi-agensi Kerajaan yang perlu dikenalpasti untuk diswastakan.

Untuk tujuan ini Kerajaan telah melantik sebuah firma perunding untuk menyediakan pelan induk penswastakan bagi mengenalpasti agensi-agensi berkenaan dan memperakukan cara-cara penswastakan untuk dilaksanakan.

Melalui pengalaman Kerajaan masalah-masalah utama yang masih dihadapi dalam melaksanakan dasar penswastakan ialah halangan perundangan di mana kebanyakan Akta tidak mengandungi peruntukan mengenai penswastakan. Ini disebabkan semasa Akta ini digubal dasar penswastakan belum wujud lagi.

Kedua, halangan pentadbiran di mana data-data mengenai harta dan lain-lain data kewangan agensi-agensi Kerajaan tidak disimpan mengikut amalan perniagaan.

Ketiga, masalah penilaian di mana penilaian harta-harta sesebuah agensi Kerajaan memakan masa yang panjang disebabkan rekod yang tidak teratur dan ketiadaan kepakaran dalam menilai peralatan dan jentera-jentera tertentu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pelabuhan negeri Melaka akan diswastakan pada tahun ini. Bilakah pelabuhan Melaka akan diswastakan dan siapakah akan menjalankan penswastakan pelabuhan tersebut dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa kini ada lebih kurang 400 orang pekerja yang sedang bekerja di pelabuhan Tanjung Bruas di Melaka ini? Adakah selepas pelabuhan Melaka ini diswastakan bahawa kerja-kerja kepada pekerja-pekerja yang sedia ada ini terjejas ataupun adakah Kerajaan membuat satu langkah untuk menjamin bahawa 400 orang pekerja ini tidak akan terjejas kerana penswastakan tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan bahawa di antara dua buah agensi Kerajaan yang diswastakan ialah termasuk pelabuhan Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Kerajaan bertindak untuk menswastakan sesuatu projek Kerajaan, satu kajian teliti telah dijalankan dan kajian ini telah mengenalpasti tentang masalah-masalahnya dan mengenai pekerja-pekerja yang dikatakan mungkin terjejas itu telahpun diambil kira supaya pekerja-pekerja ini tidak terjejas dan sebab itulah keputusan telah dibuat untuk menswastakan projek ini.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah Kerajaan bertindak mengambil alih jabatan-jabatan yang telah dipenswastakan jika terdapat bukti penyelewengan yang serius atau kegagalan jabatan itu?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan masih lagi belum menjalankan penilaian

ke atas semua projek-projek penswastaaan yang telah dijalankan. Namun demikian, oleh sebab Kerajaan sedang dalam usaha untuk mewujudkan atau menyediakan satu rancangan induk penswastaaan, maka maklumbalas-maklumbalas mengenai keadaan atau perjalanan projek-projek yang telah diswastakan ini akan disampaikan kepada unit khas yang bertanggungjawab ke atas penswastaaan dan tindakan-tindakan tertentu akan diambil.

SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN - KAWALAN DISIPLIN

4. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai syarikat-syarikat yang menjalankan kawalan keselamatan:

- (i) sejauh manakah undang-undang yang ada boleh menjamin perjalanan Syarikat Kawalan Keselamatan dengan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan dari segi disiplin, penggunaan senjata-tapi serta latihan mempertahankan diri;
- (ii) sejauh manakah undang-undang yang ada telah dapat melindungi pekerja-pekerja syarikat Kawalan Keselamatan terutamanya apabila ianya mengalami kemalangan jiwa, selain daripada mendapat perlindungan insuran; dan
- (iii) apakah telah ada undang-undang atau syarat had umur yang telah ditetapkan kepada syarikat-syarikat tersebut dalam pengambilan tenaga kerja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (i) Tidak ada undang-undang khusus yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengawal disiplin, penggunaan senjata-tapi dan latihan mempertahankan diri kepada syarikat kawalan keselamatan. Akta Agensi Persendirian 1971 adalah bertujuan untuk mengawal syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhan

misalnya pengeluaran lesen atau permit dan juga untuk mengawal mereka daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan dasar Kerajaan supaya ketenteraman awam dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

- (ii) Syarikat-syarikat kawalan keselamatan sememangnya diwajibkan membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ke atas pekerja-pekerja dan pengawal-pengawal sebagaimana syarikat-syarikat dan majikan yang lain. Mereka yang engkar kepada undang-undang dan peraturan ini akan diambil tindakan termasuk pembatalan lesen dan sebagainya.
- (iii) Mengenai syarat had umur, Kerajaan sememangnya telah menetapkan bahawa pengambilan pengawal-pengawal keselamatan hendaklah tidak melebihi umur 60 tahun.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan yang berkaitan. Pertama mengenai imej pengawal-pengawal keselamatan swasta ini, pertamanya pakaian mereka, adakah pakaian warna merah darah itu adalah pilihan yang ditentukan oleh pihak Kerajaan? Kedua, pakaian-pakaian ini adakah menjadi syarat pengeluaran lesen? Soalan yang berkaitannya lagi, adakah Kerajaan tidak terfikir bahawasanya pakaian yang agak kurang menarik tidak langsung memberi gambaran bahawasanya pengawal keselamatan ini dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna? Saya rasa pengawal-pengawal keselamatan ini sepatutnya boleh membuat contoh negeri-negeri jiran seperti Thailand, Indonesia, dan Filipina di mana pengawal-pengawal keselamatannya berpakaian kemas dan disegani dan ditakuti oleh orang ramai.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah pakaian ini, sebelum Kementerian menentukan apakah warna pakaian yang harus dipakai, pihak Kementerian akan memanggil Persatuan Keselamatan ini untuk berbincang, Di atas persetujuan kedua-dua pihaklah maka warna pakaian itu ditentukan. Namun begitu ada juga 'in-house security' atau keselamatan sendiri seperti UDA, bank-bank dan sebagainya, mereka mereka pakaian mereka sendiri di mana kita lihat berlainan dengan kebanyakan pengawal-pegawal keselamatan yang kita lihat di tempat-tempat lain. Bagi pendapat saya warna bukanlah menentukan kemas ataupun tidak, tetapi cara seseorang itu memakainya adalah lebih penting. Jikalau sekiranya pakaian itu walau warna apa sekalipun, tetapi dijaga dengan baik, dipakai dengan kemas, apa warna pun dia nampak kemas. Tetapi kalau kita pilih warna apa sekalipun kalau tidak dijaga, tidak digosok dan sebagainya, warna yang difikirkan cantik oleh seseorang itupun tidak akan dipandang cantik oleh orang lain.

MARDI - PENEMUAN BARU

5. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah penemuan-penemuan baru yang dihasilkan dari kajian-selidik oleh institusi-institusi penyelidikan pertanian seperti MARDI. Adakah penemuan-penemuan tersebut telah memanfaatkan petani-petani dan pengguna-pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian [**Dato' Alexander Tu Lung Lee**]: Tuan Yang di-Pertua, MARDI telah banyak menghasilkan penemuan-penemuan baru yang mana telah dinikmati oleh petani-petani, pengguna-pengguna dan juga pihak-pihak swasta.

Penemuan-penemuan ini adalah di dalam kekerapan bidang pengeluaran hasil tanaman, bidang hasil lepas tuai dan bidang pemerosesari. Di antaranya ialah:-

- (i) Penemuan benih-benih padi, benih-benih koko, benih buah-buahan seperti betik eksotika, pisang mas, tembakau dan lain-lain lagi.
- (ii) Penemuan-penemuan di dalam bidang lepas tuai telah membolehkan Malaysia mengeksport buah-buahan seperti pisang mas, betik, belimbing besi dan jambu batu ke luar negeri seperti negeri Jepun, Hongkong dan Eropah.
- (iii) Di dalam bidang pemerosesan penemuan-penemuan yang dicapai telah dapat membangunkan usahawan-usahawan untuk membangunkan beberapa industri makanan. Di antaranya ialah pengeluaran tepung santan, serunding, jus buah-buahan, pengeluaran secara komersial makanan tradisional seperti tapai, leman, emping dan keropok.

KOS PEMBINAAN LEBUHRAYA BIASA/JALAN TAR

6. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kerjaraya menyatakan iaitu berapakah kadar kos projek lebuhraya dan jalan tar biasa dalam jauh satu kilometer sekarang di negara kita ini dan mana lebih murah jika dibandingkan dengan projek jalan simen.

Timbalan Menteri Kerjaraya [**Tuan Luhah Wan**]: Tuan Yang di-Pertua, kos-kos pembinaan lebuhraya dan jalanraya biasa adalah seperti berikut:

- (i) Lebuhraya 4 lorong dengan dua hala (dual carriageway) kosnya adalah di antara \$6 juta hingga \$8 juta satu kilometer; dan
- (ii) Jalanraya biasa iaitu satu lorong dua hala kosnya adalah di antara \$2 juta hingga \$2 1/2 juta bagi satu kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos-kos tersebut adalah kos-kos purata yang berasaskan kepada keadaan tanah biasa yang tidak banyak masalah seperti tanah lembut atau jenis gambut atau juga tanah yang berbukit-bukit, yang mungkin memerlukan kos yang lebih tinggi untuk membinanya. Kos ini juga akan lebih tinggi jika melibatkan pembinaan jambatan atau persimpangan-persimpangan bertingkat.

Jika dibandingkan dengan kos pembinaan jalan simen pula, kos jalan tar atau jalan premix adalah 30% lebih murah daripada kos pembinaan jalan simen.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya menjelaskan sebab-sebabnya rumah tol yang terbiar di Batu 5 Jalan Ipoh Kuala Lumpur tidak dirobohkan memandangkan ianya menghalang lalulintas di jalan tersebut.

Tuan Luhah Wan: Itu soalan lain, Tuan Yang di-pertua.

[Ketawa]

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa lebuhraya dari Air Keroh ke Pagoh dibina dengan simen, dan jika benar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk pembinaan lebuhraya dari Air Keroh ke Pagoh dengan simen dan bilakah lebuhraya tersebut akan dibuka?

Tuan Luhah Wan; Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat sudah tahulah jalanraya itu dibuat sama ada dengan simen atau tidak, cuma mahu dapat information daripada pihak saya dan juga tentu sekali beliau ada soalan tambahan lagi nanti mengenai perkara ini sungguhpun sudah jelas sekali bahawa saya telah beritahu tadi ongkos pembinaan jalan simen ini lebih mahal daripada pakai jalan bukan simen. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi sedikit penjelasan terhadap perkara ini.

Lebuhraya yang sudah dibina oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia yang menggunakan simen ini tadi iaitu reka bentuk untuk jalan-jalan simen tersebut, Lembaga Lebuhraya Malaysia sudah membuat reka bentuk untuk tempoh selama 40 tahun.

Oleh yang demikian dijangka ia akan memerlukan kos penyelenggaraan yang sedikit dalam tempoh berkenaan jika dibandingkan dengan jalan tar ataupun jalan biasa dan jalan tar pula biasanya perlu diturap semula permukaannya selepas 5 atau 7 tahun dan perlu diselenggarakan dengan baik dalam tempoh tersebut. Jadi, bermakna reka bentuk jalanraya tersebut sudah dibuat untuk tempoh masa 40 tahun maka kita tidak menjangka akan ada kerugian terhadap jalanraya tersebut oleh kerana kos menjaga dan membaikinya memang lebih kurang daripada jalan tar.

KOTA KINABALU/KUCHING SEBAGAI DESTINASI PENERBANGAN ASING

7. Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kemungkinan menjadikan Kota Kinabalu dan Kuching sebagai destinasi utama, selain dari Kuala Lumpur kepada lebih banyak syarikat penerbangan luar negeri selain daripada yang sedia ada pada masa ini, sebagai satu langkah positif meninggikan kedudukan industri pelancongan di Sabah dan Sarawak khususnya dan Malaysia amnya, selaras dengan polisi Kerajaan Malaysia; dan
- (b) kemungkinan membenarkan penerbangan sewa khas "chartered" terus bagi negara-negara luar ke Kota Kinabalu dan Kuching.

Timbalan Menteri Pengangkutan (**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail**): Tuan Yang di-pertua,

- (a) Sukalah saya memaklumkan bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan unuk meningkatkan industri pelancongan negara, syarikat-syarikat penerbangan asing adalah digalakkan untuk mengadakan penerbangan ke Malaysia bukan sahaja ke Kuala Lumpur tetapi juga ke destinasi-destinasi lain seperti Kuching, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang.

Di dalam rundingan-rundingan perjanjian udara yang diadakan oleh Malaysia dengan negara-negara asing, Kuching dan Kota Kinabalu adalah di antara bandar-bandar yang ditawarkan dan dibukakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan kepada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Dengan yang demikian, keputusan sama ada syarikat penerbangan asing hendak mengadakan perkhidmatan ke tempat-tempat yang ditawarkan oleh Malaysia itu adalah terpulang kepada negara masing-masing dan syarikat penerbangannya. Sungguhpun demikian, berasaskan kepada pengalaman dalam rundingan perjanjian udara, adalah didapati bahawa syarikat penerbangan asing tersebut masih belum mempunyai minat serta kecenderungan untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi berkenaan, walaupun mereka mempunyai hak trafik untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana syarikat penerbangan asing biasanya akan membuat keputusan pemilihan atas destinasi ke Malaysia atau ke rantau ini berasaskan kepada faktor-faktor "commercial" seperti kedudukan aliran trafik, pendapatan daripada operasi yang akan dijalankan dan sebagainya.

- (b) Di bawah dasar "open skies" untuk charter atau sewa khas yang diamalkan pada masa sekarang oleh Kerajaan, syarikat-syarikat penerbangan asing boleh mengadakan perkhidmatan sewa khas pada bila-bila masa bagi tujuan membawa masuk pelancong-pelancong asing ke tempat-tempat di Malaysia termasuk Kota Kinabalu dan Kuching.

SIARAN SECARA LANGSUNG

8. Dr. Nordin Selat minta Menteri Penerangan menyatakan tidak adakah satu polisi yang dapat membedakan faedah ramai dengan hasrat mendapat keuntungan dalam mengusahakan siaran terus menerus. Adalah sukar untuk dapat menerima bahawa Piala Thomas tidak dapat disiarkan terus menerus kerana akan merugikan RTM sedangkan ia menarik perhatian umum rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [**Dato' Haji Dasuki bin Haji Ahmad**]; Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya mempunyai dasar untuk memberi keutamaan kepada perkara-perkara awam yang harus disiarkan secara langsung tanpa mengira sama ada mendapat keuntungan atau tidak.

Dalam soal penyiaran pertandingan Piala Thomas ini, adalah dimaklumkan bahawa pihak telah mendapat tajaan yang lumayan bagi pertandingan itu, tetapi tidak ada peruntukan dibuat untuk penyiaran melalui TV secara langsung. Kos penyiaran hendak dibebankan terus kepada Kerajaan manakala Kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan beban perbelanjaannya. Oleh itu adalah tidak munasabah jika keuntungan yang banyak dipungut dari pertandingan Piala Thomas tidak sedikitpun diperuntukkan kepada RTM bagi mengurangkan beban tanggungannya, sehingga RTM terpaksa mencari penaja-penaja lain untuk membiayai kos penyiaran secara langsung pertandingan itu.

Alhamdulillah, RTM telah berjaya mendapatkan tajaan itu dan membawa pertandingan tersebut secara langsung kepada rakyat. Adalah diharapkan bahawa kesulitan serupa ini tidak timbul lagi di masa-masa akan datang.

AKTA TAHAN ASUHAN KANAK-KANAK 1984 - PERLAKSANAAN

9. Puan Valli Muthusamy minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bolehkah Kementerian mengulangkaji Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984 supaya ia dapat meliputi kawasan bandar dan juga kawasan-kawasan ladang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [**Tuan Peter Chin Fah Kui**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 pada masa ini hanya meliputi semua taman-taman asuhan kanak-kanak bercorak institusi yang di antara lain menerima upah dari pelanggan-pelanggannya.

Sebahagian besar daripada taman-taman asuhan di dalam kawasan-kawasan bandar pada masa ini adalah bercorak institusi dan oleh yang demikian telahpun tertakluk di bawah penguatkuasaan Akta tersebut.

Akta tersebut tidak meliputi perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di kawasan-kawasan ladang pada masa kini oleh kerana perkhidmatan itu tidak bercorak institusi seperti diperuntukkan dalam Akta tersebut. Perkhidmatan itu adalah diberi percuma oleh pihak-pihak majikan, yang mana ianya tertakluk di bawah peruntukan Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja 1966. di bawah Kementerian Buruh.

Pihak Kerajaan memanglah berhasrat untuk meningkatkan perkhidmatan asuhan kanak-kanak mengikut standard minima asuhan seperti yang terdapat dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 di kawasan-kawasan ladang. Ke arah tujuan tersebut, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Buruh sedang mengkaji Akta-akta yang berkenaan.

FELDA - PEMBUKAAN TANAH KEPADA KOPERASI

10. Tuan P. Balaram minta Menteri. Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementeriannya memberi peluang kepada Koperasi-koperasi yang ahli-ahlinya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dalam projek-projek penerokaan dan kemajuan tanah.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus**]: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti utama yang dijalankan oleh agensi-agensi Kementerian ini pada keseluruhannya tertumpu kepada aktiviti pembukaan dan memajukan tanah. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berbeza-beza mengikut fungsi dan peranan yang ditetapkan. FELDA umpamanya berperanan untuk memajukan kawasan-kawasan baru dengan tanaman pertanian melalui penempatan peneroka yang dipilih mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. RISDA pula berperanan untuk melaksanakan program tanaman semula getah bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil. Oleh kerana pembukaan tanah adalah berasaskan kepada konsep pembukaan tanah berpeneroka, maka peserta yang layak dalam projek pembukaan tanah terhad kepada perseorangan dan tidak termasuk koperasi. Bagi projek memajukan tanah oleh RISDA, semua pemilik tanah layak untuk menyertai termasuk koperasi sekiranya telah memenuhi syarat tanaman semula.

JAMBATAN KAYU DITUKAR KE JAMBATAN KONKRIT

11. Tuan Koh Im Pin minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk menukar jambatan kayu ke jambatan konkrit bagi Sungai Menyala yang sepanjang 8 meter dan Sungai Raya yang panjangnya ialah 5 meter kerana kedua-dua sungai tersebut merupakan jalan besar yang menghubungkan bandar Port Dickson dengan bandar Melaka.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, jambatan-jambatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah terletak di Jalan Persekutuan dan Kerajaan memang bercadang untuk menukar jambatan kayu kepada jambatan konkrit di Sungai Menyala dan di Sungai Raya yang terletak di jalanraya Port Dickson-Lubok China tersebut. Rekabentuk bagi kedua-dua jambatan tersebut telahpun siap dan pada masa ini pihak JKR Negeri Sembilan sedang di dalam proses untuk memanggil tawaran bagi kedua-dua projek jambatan berkenaan.

DASAR PELAJARAN

12. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan mengikut dasar pelajaran sekarang, hanya guru sandaran dapat diberi latihan selepas berkhidmat selama dua (2) tahun berturut; mengapa guru sandaran tidak dapat diberi latihan selepas berkhidmat selama setahun sahaja. Jika mereka diberi latihan selepas berkhidmat selama 1 tahun, masalah kekurangan guru boleh dapat diatasi di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia khususnya S.R.J.K.(C).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan guru pelatih ke maktab-maktab perguruan untuk mengikuti Kursus Asas Perguruan dan Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti (KDC) adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Guru-guru sandaran (sementara) yang berpengalaman dan mempunyai cukup kelayakan tetapi tidak terlatih memang diberi peluang untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas dan juga Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti (KDC). Walau bagaimanapun., peluang ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:-

- (i) kelayakan akademik yang mencukupi atau yang paling minima yang ditetapkan;

- (ii) cukup tempoh perkhidmatan sebagai guru sandaran sekurang-kurangnya 2 tahun berterusan;
- (iii) mencapai tahap yang ditetapkan dalam Ujian Kelayakan Perguruan yang dianggap ujian yang agak mudah dan minima untuk membolehkan guru-guru mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan; dan
- (iv) menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam temuduga.

Tetapi eloklah saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keutamaan memanglah diberikan kepada guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar walaupun guru-guru itu dikenali sebagai guru sementara atau guru sandaran.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah rendah bolehkah Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan semula lagi latihan perguruan hujung minggu kepada guru-guru sandaran?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikenali dengan kursus KDC, iaitu diadakan khusus kepada guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar dan mempunyai syarat minima dan mereka diambil untuk mengikuti kursus tetap waktu cuti persekolahan. Namun dilihat dari kepentingan pendidikan untuk menjamin mutu pendidikan kita tidaklah sangat menggalakkan program ini diteruskan kerana kemasukan guru-guru pelatih di maktab telah ditambah berlipat kali ganda tahun lalu dan tahun ini sahaja lebih dari 8,000. Jadi kita menjangkakan dalam masa yang singkat 3-4 tahun ini jumlah guru-guru akan mencukupi. Sebab itulah walaupun kita berikan keutamaan kepada guru-guru sandaran, kita tidak mahulah menghadapi satu keadaan atau satu suasana terpaksa mengambil guru-guru yang kelayakannya itu sangat rendah.

FELDA - PENEROKA DIBAWA KE MAHKAMAH

13. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan ramai peneroka FELDA telah dibawa ke mahkamah kerana tidak membuat laporan dan membayar cukai pendapatan kerana kurang faham dan tidak dapat penerangan yang jelas, bolehkah beliau mengatasi masalah ini dengan cara:

- (a) mengatur supaya pengawal cukai pendapatan mengadakan pendekatan dan penerangan di rancangan-rancangan FELDA; dan
- (b) bekerjasama dengan FELDA bagi menyediakan potongan khas pendapatan peneroka bagi mengatasi masalah yang tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pembayaran cukai daripada peneroka-peneroka FELDA merupakan satu kategori khas, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengadakan perbincangan dan ceramah dengan pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat FELDA dan pengarah-pengarah kawasan FELDA untuk menyelesaikan semua masalah yang berkaitan dengan cukai pendapatan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka. Pengiraan keuntungan dan juga pembayaran cukai yang dibincangkan telahpun disampaikan kepada peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA oleh pengurus-pengurus skim FELDA. Peneroka-peneroka telahpun dinasihatkan supaya berbubung dengan pengarah-pengarah kawasan mereka untuk mendapatkan penerangan selanjutnya. Sekiranya dengan ini mereka tidak berpuas hati- juga, mereka bolehlah melawat cawangan-cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri yang berhampiran untuk mendapatkan penerangan lanjut. Hanya sebilangan sahaja pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengambil bahagian dalam ceramah yang dianjurkan bagi membincangkan masalah peneroka-peneroka FELDA ini. Memandangkan Jabatan Hasil Dalam Negeri telahpun menghadapi kekurangan kakitangan berbanding dengan beban kerja, adalah tidak mungkin pegawai-pegawai cukai dalam Jabatan ini dapat melawat dan mengadakan pendekatan dan penerangan di semua skim-skim FELDA.

Pada masa sekarang potongan cukai pendapatan hanya dibuat kepada kategori pembayar cukai daripada kumpulan penggajian sahaja ataupun 'wage earners', dengan izin. Memandangkan peneroka-peneroka FELDA dianggap sebagai menjalankan satu perniagaan, maka mereka hendaklah dikendalikan sebagai orang perniagaan seperti biasa, iaitu cukai pendapatan mereka tidak dipotong daripada pendapatannya pada masa **ini**. Mereka perlulah menjelaskan cukai mereka untuk diri sendiri.

Tuan Hassan bin Harun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri berkenaan dengan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga kecil, seperti penjaja dan sebagainya, yang diumumkan dalam suratkhbar baru-baru ini. Tahukah tidak Kementerian berkenaan bahawa dengan tindakan ini walaupun efficient dari menolong Kerajaan dari segi memungut hasil telah menyebabkan penjaja-penjaja yang mengumpul wang selama ini takut hendak membelanjakan wang itu bahkan wang itu sekarang ini disorok dan banyak pemaju-pemaju perumahan dapati ramai yang hendak membeli rumah tetapi takut hendak membeli secara tunai rumah murah kerana mereka bimbang takut-takut pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri mendapat tahu tentang kedudukan kewangan mereka masing-masing. Berkaitan dengan ini ramai penjaja-penjaja kecil dan peniaga-peniaga kecil rasakan kerana duit ini diperolehi masa mudah dahulu, masa senang dahulu dan sekarang ini keadaan ekonomi begini teruk, mereka rasa adalah adil dan bijak bagi pihak Kerajaan untuk melonggarkan tindakan ini bagi membolehkan mereka melaburkan duit itu balik.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar sedikit dari soalan asal tetapi izinkan saya menjelaskan bahawa tanggungjawab membayar cukai tidak kira dia itu penjaja ataupun orang biasa. Malahan ada didapati ada penjaja kecil mungkin berpendapatan lebih tinggi daripada Ahli-ahli Senator sekalian. Oleh kerana itu sebagai contoh kita ada mendapati dua orang yang menjual kari gulai kepala ikan mendapat lebih kurang \$400,000 setahun. Cuba kira, adakah kita boleh melepaskan orang sedemikian daripada membayar cukai ataupun melonggarkannya?

Kita perlu ingat Kerajaan memerlukan pendapatan Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah salah satu badan yang penting untuk mengutip cukai, maka kita akan meujalankan tugas kita mengikut undang-undang, tidak kira sama dia itu penjaja kecil ataupun orang-orang jutawan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya mereka gagal menghantar balik "return" yang telahpun diminta oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri mereka mungkin akan didenda. Tetapi saya ingin mengingatkan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berliormat, terutamanya Yang Berhormat Tuan Hassan bahawa adalah tanggungjawab kepada penjaja-penjaja kecil ini kalau sekiranya mereka sudahpun sampai tahap untuk membayar cukai dan jika sekiranya mereka meughadapi sebarang masalah dalam pembayaran mereka itu, kemungkinan kita boleh mempertimbangkan supaya dilanjut atau di"re-schedule", dengan izin, pembayaran mereka itu. Jadi bersangkut-paut dengan wang sorok itu, adalah maklumat yang baik untuk tindakan selanjutnya [Ketawa] .

Tuan Haji Abdul Majid Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengatakan bahawa peneroka FELDA itu merupakan seorang daripada ahli perniagaan. Tetapi apa yang saya harapkan bahawa para peneroka ini bayar Cukai Pendapatannya melalui "pay-sheet" dibuat oleh pihak FELDA. Saya rasa seeloknyalah mereka dipotong sedikit-sedikit untuk masa sampai dia kena cukai, jadi tidak payah menyediakan peruntukan lain. Selalunya bila keadaan terdesak Cukai Pendapatan datang untuk minta dibayar, ini yang menyebabkan mereka dibawa kadang-kadang ke mahkamah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bolehlah kita runding dengan Kementerian yang berkaitan yang mengelolakan FELDA untuk menyenangkan kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Noraini binti Haji Beluah.

Puan Norani binti Haji Beluah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pembetulan iaitu negara-negara Islam di seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke 14.

TARIKH HARI RAYA PUASA

14. Puan Norani binti Haji Beluah minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan menjalankan usaha-usaha bagi memastikan bahawa tarikh Hari Raya Puasa di Malaysia dapat diseragamkan dengan negara-negara Islam di seluruh dunia.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, tarikh awal puasa dan tarikh Hari Raya Puasa tidak dapat diseragamkan antara negara-negara Islam kerana tarikh-tarikh itu ditentukan berdasarkan adanya atau sabitnya anak bulan awal Ramadhan dan anak bulan Syawal bagi negara-negara yang berkenaan. Perbezaan berlaku kerana negara-negara itu terletak di garisan "longitude" atau "madlaq" yang berlainan.

Walaupun demikian, ini tidak menafikan adanya usaha-usaha ke arah penyeragaman. Langkah penting masa ini ialah untuk mengeluarkan satu kalendar yang dipanggil Kalendar Islam Aatarabangsa. Baru-baru ini telah diadakan satu seminar di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang mengenai dengan Kalendar Islam Antarabangsa ini dan insya Allah, jikalau sekiranya usaha-usaha ini berjalan dengan baik dan mendapat persefahaman daripada negara-negara Islam yang lain, kita akan dapat melihat tidak lama lagi satu Kalendar Islam Antarabangsa yang akan menjadi pertanda baik bagi memulakan puasa dan Hari Raya pada tarikh yang sama.

TAHUN MEMBACA

15. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan salah satu kemunduran yang penting dalam kempen "Tahun Pembaca" ialah banyak sekolah mempunyai kemudahan-kemudahan perpustakaan yang tidak mencukupi, khasnya kekurangan buku-buku dan bahan-bahan bacaan lain:

- (a) adakah Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan perpustakaan di semua sekolah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membuat peruntukan kepada semua perpustakaan sekolah berasaskan kepada populasi pelajar untuk membeli buku-buku dan bahan bacaan lain.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa melaksanakan pelbagai rancangan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan perpustakaan di sekolah. Di antara rancangan untuk memperbaiki kemudahan perpustakaan di sekolah ialah dengan memperbanyakkan lagi buku-buku dan bahan-bahan bacaan, bacaan tarabahan yang sesuai melalui Program Bacaan Sekolah Rendah di bawah Projek Pinjaman Bank Dunia Ke-8 yang bernilai sebanyak \$39.5 juga.

Pembelian dan pembekalan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai dari tahun 1986 hingga ke tahun 1990. Sehingga kini lebih 500 judul buku, buku bacaan tambahan telah dibekalkan kepada setiap sekolah yang berkenaan.

Yang kedua, Kementerian Pendidikan telahpun melaksanakan rancangan ini sejak tahun 1974 lagi. Geran perpustakaan berdasarkan jumlah murid untuk semua sekolah dengan kadar hitung panjang \$1.60 sen bagi seseorang murid di sekolah rendah dan \$2.20 sen bagi seorang murid di sekolah menengah telah dilaksanakan. Pada tahun 1982, satu kadar baru peruntukan perpustakaan telah diluluskan oleh pihak Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan oleh ekonomi yang tidak mengizinkan sekarang, kadar peruntukan baru itu belum dapat dilaksanakan lagi.

PENEROKA FELDA MENJUAL TANAH

16. Tuan Azumu bin Tak minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan daripada peneroka-peneroka FELDA menjual tanah-tanah mereka.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi peraturan dari segi undang-undang bahawa peneroka-peneroka FELDA yang belum menerima hakmilik tidak boleh menjual tanah yang raereka kerjakan kepada mana-mana pihak kerana ianya masih diurus dan ditadbirkan oleh FELDA.

Bagi peneroka yang telah selesai membayar hutang dan menerima hakmilik, adalah disyaratkan bahawa sekiranya pertukaran hakmilik dijalankan ianya mesti dirujuk kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Bagi rancangan sistem saham, pindahmilik saham boleh dibenarkan oleh FELDA kepada sesiapa penama, waris atau orang

yang dipersetujui oleh FELDA dengan syarat saham tersebut dipindah bersama dengan hakmilik kawasan rumah. Kesimpulannya ialah pindah-milik tidak boleh dilakukan melainkan telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri ataupun FELDA.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

17. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar serta masalah kesihatan yang disebabkan oleh alat-alat, akibat dari penternakan ayam. Masalah kesihatan yang disebabkan oleh lalat bukan sahaja dihadapi oleh penduduk-penduduk setempat, tetapi juga dihadapi oleh semua penduduk-penduduk di persekitaran kawasan yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew

Peh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah pencemaran alara sekitar bukan terletak di bawah jagaan Kementerian Kesihatan. Ia diletakkan di bawah jagaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dan sepanjang pengetahuan saya, berbagai akta telah digubal untuk mengawal pencemaran dari segi air, udara dan bunyi.

Berhubung dengan masalah kesihatan yang timbul hasil daripada penternakan ayam, ingin saya menjelaskan di sini bahawa penternak-penternak perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan. Jika tidak, tindakan tegas akan diambil. Sebenarnya ini juga tidak terletak di bawah penjagaan Kementerian Kesihatan. Ini tanggungjawab Penguasa Tempatan.

Namun demikian, suka saya memaklumkan bahawa menjaga, malah meningkatkan taraf kesihatan rakyat jelata, memang menjadi tugas dan matlamat utama Kementerian Kesihatan, maka ke arah mencapai matlamat inilah Kementerian Kesihatan akan mengambil apa jua langkah yang munasabah.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan sahabat saya Yang Berhormat Tuan V. K. Sellapan ini tidak kena mengenai dengan kementerian Kesihatan, kenapakah Kementerian Kesihatan tidak merujukannya kepada Kementerian berkenaan yang lain [**Ketawa**] .

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak ada jawapan sekarang kerana jawapan itu tidak diberikan kepada saya. Jawapan yang saya beri tadi adalah jawapan saya sendiri. Tidak ada jawapan secara rasmi yang diterima oleh saya.

RAKYAT MALAYSIA BERHIJRAH KE LUAR NEGERI

18. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau menyedari tentang bertambahnya rakyat Malaysia pelbagai profesion yang telah berhijrah ke luar negeri. Berapa jumlah wang Malaysia telah mengalir ke luar negeri. Apakah tindakan telah diambil untuk menyekat penghijrahan golongan profesional ke luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Drs. Suleiman bin Mohamed**]: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada rakyat Malaysia yang berhijrah ke negara lain, dan di antaranya terdapat mereka yang terdiri daripada golongan profesional. Walau bagaimanapun, kadar penghijrahan tersebut tidak dapat dipastikan, sama ada telah bertambah atau menurun. Kerajaan tidak mempunyai perangkaan berkaitan dengan perkara itu dan lagipun seseorang warganegara Malaysia tidak perlu menyatakan tujuan penghijrahannya.

Kerajaan tidak mempunyai maklumat tentang jumlah wang yang mengalir keluar akibat daripada penghijrahan tersebut. Kerajaan tidak menghalang penghijrahan golongan berkenaan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan tuduhan setengah-setengah profesional yang mengatakan penghijrahan mereka adalah disebabkan kekurangan peluang untuk memperkembangkan diri dalam berbagai bidang.

Drs. Sulaiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka tidak taat dan setia kepada negara ini, bolehlah mereka berhijrah ke negara lain.

DISIPLIN DI SEKOLAH

19. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat ini sejauh manakah keberkesanannya disiplin dapat dijalankan kepada guru dan murid di sekolah-sekolah terutama sekali mengenai rambut dan pakaian. Sehubungan dengan itu bagaimanakah disiplin kelakuan dapat dikesan dan apakah tindakan yang diambil jika didapati menyalahi atau kurang sopan;
- (b) berikan angka-angka berapa ramai mereka yang telah diambil tindakan terdiri daripada guru-guru dan murid bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 ini; dan
- (c) apakah garis panduan yang diikuti oleh mereka itu dalam Kemeriterian Pendidikan kerana mereka menjadi contoh kepada masyarakat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, disiplin guru dan murid adalah terkawal dalam erti kata bahawa penglibatan mereka dalam kesalahan-kesalahan berat masih rendah. Setakat ini belutn ada peristiwa yang tidak berdisiplin telah menggugat atau memberhentikan perjalanan pengurusan sekolah atau mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Untuk soalan kedua, seramai 102,246 murid dan 70 orang guru telah diambil tindakan di antara tahun 1986 hingga 1988 kerana didapati bersalah melanggar peraturan dan disiplin sekolah.

Untuk soalan ketiga, garis panduan yang diikuti bagi pengurusan dan disiplin sekolah terkandung di dalam dokumen-dokumen berikut:

- (i) Akta Pelajaran;
- (ii) Ordinan Pelajaran;
- (iii) Surat Pekeliling Ikhtisas; dan
- (iv) Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pendidikan, oleh kerana kebelakangan ini saya dapati banyak komen dari orang ramai terhadap keadaan disiplin yang tidak memuaskan di sekolah-sekolah, bagaimana kalau saya syorkan, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau tidak, oleh kerana kami ini Ahli-ahli Dewan Negara kadang kala banyak masa lapang, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri meletakkan kami ini sebagai Ahli Lembaga Pelawat Yang Berhormat di tiap-tiap sekolah di peringkat negeri mahupun di peringkat Federal supaya dengan adanya perlantikan kami, mungkin kami boleh sama-sama membantu membendung keadaan generasi akan datang supaya mereka ini benar-benar berdisiplin, bersopan santun dan boleh mendatangkan faedah kepada negara kita. Saya ingin tahu ada tidak ura-ura Kementerian Pendidikan untuk melakukan apa yang saya sebutkan tadi?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat tadi dan cadangan atau syor ini bolehlah kita pertimbangkan. Pada masa ini kita lihat banyak laporan mengenai keadaan disiplin di sekolah-

sekolah kita adalah untuk menyedari bahawa masalah ini memang wujud tetapi dapat dibanteras. Pada masa kini ada juga kita melibatkan pihak ibubapa menerusi badan-badan PIBG untuk mengambil bahagian atau melibatkan diri dalara membanteras atau menghadapi masalah ini dan juga sama-samalah bekerjasama untuk membangunkan supaya disiplin yang baik dan nilai-nilai yang murni dapat ditanam di kalangan masyarakat pelajar-pelajar kita.

JUALAN MINYAK MENTAH PETRONAS

20. Puan Habidah binti Jusoh alias Yusof minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapa banyakkah jualan minyak PETRONAS yang dijual di dalam negara dan di luar negeri oleh syarikat-syarikat minyak dan negara manakah yang membeli minyak keluaran kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri **[Tuan Kasitah bin Gaddam]**: Tuan Yang di-Pertua, jumlah jualan minyak mentah PETRONAS pada setengah tahun pertama 1988 adalah 59.3 juta tong. Daripada jumlah tersebut 43.3 juta tong diekspurt, manakala 5.4 juta tong dan 10.6 juta tong lagi masing-masing diproses di dalam dan luar negeri untuk kegunaan tempatan. Sementara itu dalam tempoh yang saraa syarikat-syarikat minyak yang menjadi kontraktor PETRONAS iaitu SHELL dan ESSO menjual 38.8 juta tong minyak mentah. Dari jumlah ini 21.5 juta tong diekspurt, manakala 17.3 juta tong diproses dalam negeri untuk kegunaan tempatan. Negara-negara pengimport utama minyak mentah Malaysia adalah Jepun, Singapura, Korea, Thailand, Filipina, Australia, Taiwan, India dan Amerika Syarikat.

TAHANAN ISA YANG DIBEBASKAN

21. Puan Ainon binti Ariffln minta Menteri Dalam Negeri menyatakan;

- (a) berapa ramaikah tahanan di bawah ISA yang telah dibebaskan sejak tahun 1982 hingga 1988; dan

- (b) adakah di antara mereka yang telah dibebaskan itu ditahan semula kerana mengulangi kesalahan yang sama.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri. Jumlah orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah dibebaskan sejak tahun 1982 hingga 1988 ialah seramai 569 orang.

Mengenai dengan soalan (b), tiada di antara mereka yang telah dibebaskan itu ditahan semula kerana mengulangi kesalahan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Manap bin Hashim,

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 22.

PENOLAKAN KERAKYATAN

22. Tuan Mustafa bin Awang [di bawah S.O.23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah bilangan rakyat Malaysia yang menggugurkan kerakyatan mereka kerana menetap terus di negara lain.

Dato' Dr. Hohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mohon izin bagi pihak Menteri Dalam Negeri untuk menerangkan mengenai dengan soalan ini. Oleh kerana perkara ini adalah terlalu detail, saya mohon untuk memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuar Hassan Harun.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 23.

DEFISIT DALAM BELANJAWAN NEGERI

23. Tuan Tan Chai Ho [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan Kerajaan Negeri mengalami defisit di dalam belanjawan masing-masing dan akan terus mengalaminya kerana sumber-sumber hasil yang terhad sebab batasan undang-undang;

- (b) apakah keadaan ini tidak bercanggah dan bertentangan dengan objektif untuk menggalakkan Kerajaan Negeri berdikari dari segi kewangan; dan
- (c) tidakkah Kerajaan akan mengkaji kemungkinan adanya kontradiksi di antara kedua matlamat di atas 'budget-balancing' dan berdikari dari segi kewangan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat memang menyedari tentang adanya Kerajaan-kerajaan Negeri yang menghadapi defisit, tetapi ianya tidaklah disebabkan oleh batasan undang-undang.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Kerajaan Pusat telahpun mengarahkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri seboleh-bolehnya melaksanakan belanjawan yang seimbang, dengan lain perkataan menentukan perbelanjaan mengikut keupayaan kewangan negeri masing-masing. Namun begitu, bagi negeri-negeri yang sumber kewangannya adalah terhad, walaupun usaha untuk mengurangkan belanja mengurusnya telahpun dipertingkatkan tetapi masih lagi menghadapi defisit, Kerajaan Pusat di bawah Peruntukan 109(6) Perlembagaan Persekutuan memberi bantuan kewangan kepada negeri-negeri tersebut. Pemberian bantuan defisit adalah langkah yang paling wajar yang telah berjaya membantu Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan untuk mengatasi masalah defisit mereka.

Bagi menjawab soalan ketiga, Kerajaan Pusat berpendapat bahawa tidak ada percanggahan di antara konsep belanjawan yang seimbang dengan konsep berdikari dari segi kewangan. Bagi negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber kewangan yang tinggi, belanjawan yang seimbang bagi memberikan perkhidmatan yang asas kepada rakyatnya adalah mudah dicapai. Dengan Ini negeri tersebut tidaklah perlu

mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat, Tetapi bagi negeri-negeri yang miskin, di mana sumber kewangannya amat terhad, negeri-negeri ini akan menghadapi masalah aliran wang tunai ataupun cash flow, dengan izin, sekiranya Kerajaan Pusat tidak membuat pemberian tertentu. Walau bagaimanapun, keadaan defisit ini di negeri-negeri tersebut bukanlah sesuatu yang berterusan, ianya cuma berlaku pada tahun-tahun tertentu, di atas sebab-sebab yang tertentu juga. Kerajaan Pusat sentiasa mengesan kedudukan kewangan semua negeri-negeri di Malaysia ini bagi menentukan bahawa perkhidmatan yang asas diberikan untuk mencapai matlamat pembangunan infra-struktur yang seimbang bagi seluruh negara.

PENGUSAHA FILEM LUAR NEGERI/FINAS

24. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sedarkah FINAS bahawa ada pengusaha filem luar negeri khasnya negara-negara jiran yang meraih keuntungan filem di negara kita;
- (b) harap Menteri memberi penjelasan berkenaan dengan FINAS (Perbadanan Industri Filem Nasional), apakah kemajuan-kemajuan semenjak FINAS ditubuhkan, sejauh manakah ia telah membantu pengusaha-pengusaha filem tempatan;
- (c) pengusaha-pengusaha filem di luar negeri yang datang ke negara ini menggunakan alat-alatnya sendiri, apakah alat-alat yang ada kepada pengusaha-pengusaha filem negara kita tidak setanding dengan negara luar negeri, yang mana alat-alat kelengkapan pengusaha-pengusaha filem kita adalah juga yang baik dibeli di luar negeri;
- (d) sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa kemasukan artis-artis daripada luar negeri dan alat-alat kelengkapan perfileman masuk ke negara kita dengan bebas (social visit) membuat filem dalam negara kita tanpa work permit;
- (e) jika ada, apakah tindakan FINAS negara terhadap pengusaha filem luar negeri yang telah menyalahi dasar perfileman; dan
- (f) adakah FINAS benar-benar membantu pengusaha-pengusaha filem tempatan dalam negara kita.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada 6 soalan yang terkandung dalam soalan Yang Berhormat, saya mohon izin untuk menjawab secara ringkas dan ara sahaja supaya tidak menghabiskan masa.

Kementerian Penerangan menyedari sepenuhnya tentang kegiatan pengusaha-pengusaha filem dari luar negeri membuat filem di negara ini atau memasukkan filem mereka ke dalam negara ini dengan mendapat keuntungan yang lumayan. Kerajaan telahpun inewujudkan FINAS dan berbagai-bagai peraturan untuk menjamin supaya pengusaha-pengusaha filem tempatan tidak kehilangan peluang untuk menerbitkan filem-filem tempatan dengan mendapat keuntungan yang sebaik-baiknya dan supaya negara juga mendapat keuntungan yang sebaik-baiknya dari pengusaha-pengusaha filem dari luar negeri.

Antara peraturan-peraturan yang telah wujud itu ialah bahawa filem-filem tempatan telah diberi insentif yang sesuai melalui pemaulangan cukai hiburan kepada penerbit-penerbit tempatan dan ber-cadang mengenakan cukai yang tinggi kepada filem-filem yang dibawa masuk dari luar negeri dan memberi kuasa kepada FINAS untuk bertindak terhadap sebarang perbuatan mengelakkan dari pembayaran cukai sewajarnya.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan pembuatan filem oleh syarikat asing. Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk raerapastikan supaya negara mendapat hasil yang setanding dari usaha tersebut kerana tiap-tiap syarikat yang datang untuk membuat filem di Malaysia membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit yang sebahagiannya akan dibelanjakan di dalam negara ini. Kerana itulah Kerajaan telahpun memberi galakan kepada syarikat-syarikat asing membuat filem di negara ini. Kemasukan syarikat-syarikat dan artis dari luar negeri ke negara ini juga dikawal dengan rapi supaya tidak menjejaskan kepentingan-kepentingan pengusaha-pengusaha filem dan artis-artis tempatan.

Tapisan sewajarnya dibuat dan hanya pekerja-pekerja profesional dan teknikal yang tidak ada di negara ini, artis-artis utama serta alat-alat penting sahaja dibenarkan masuk. Memang banyak sekali artia tambahan tempatan, alat-alat perfileman dan juga pekerja-pekerja teknikal tempatan digunakan waktu syarikat-syarikat tersebut membuat filem di Malaysia. Oleh itu keuntungan yang didapati oleh negara ini memanglah lumayan dan Kerajaan berharap perabuatan filem di Malaysia akan dapat mengharumkan nama Malaysia di luar negeri sebagai tempat pelancongan yang menarik.

Akhirnya, FINAS memang memainkan peranan yang amat penting dalam menjaya dan memajukan kepentingan pengusaha-pengusaha filem tempatan. Ia bertanggungjawab bagi memastikan bahawa pengusaha-pengusaha filem tempatan diberikan galakan-galakan dan bantuan-bantuan yang perlu untuk memajukan industri perfileman mengambil tindakan terhadap segala pembaharuan untuk mengelakkan daripada pembayaran cukai, memungut hasil-hasil cukai yang sewajarnya dan lain-lain.

Masalah besar yang dihadapi ialah bahawa filem-filem tempatan masih belum mencapai tahap yang boleh membuatnya setanding dengan filem-filem dari luar negeri. Kerana itulah Kementerian Penerangan dan FINAS sedang berusaha untuk menghadapi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 25 hingga 73 adalah]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT**4.05 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan,
disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [14hb Julai, 1988]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun untuk menyambung ucapan beliau petang aeraalam. Dipersilakan-Yang Berhormat.

4.06 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya menyambung semula ucapan ringkas saya dalam merabahkan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut pada petang kelmarin bahawa langkah Kerajaan mengenai samsu haram ini adalah wajar dan hukuman yang dicadangkan pun wajar terhadap pedagang dan pembuat.

Hanya satu hal yang saya ingin tekankan iaitu pelaksanaan undang-undang ini secara berkesan. Saya kurang yakin sepenuhnya kejayaan oleh sebab dari apa yang saya tahu samsu gelap ini senang dibuat dan tidak memerlukan peralatan dan tempat yang sofistikated untuk membuatnya. Saya bimbang benar sekiranya dapat kita tumpas kegiatan di satu tempat, maka ia tumbuh pula di tempat yang baru. Jadi, saya cadangkan supaya kaedah penguatkuasaan mestilah rapi supaya benar-benar berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, peminum samsu adalah penagih iaitu kegiatan ini sudah menjadi darah daging sipeminum dan sukar dirawat seperti dadah juga. Bila sampai masa sipemabuk tadi mesti dapat bahan kesayangan tersebut dengan apa jua cara. Jika tidak ada duit mereka minta; jika tidak dapat, mereka terpaksa mencuri ataupun samun dan sanggup membunuh. Semua kesan ini berpunca dari pengedaran dan dagangan samsu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila ada pengguna tentu ada pembuat. Maka jika kita hendak hapuskan pembuat mestilah kita kurangkan pengguna supaya kegiatan membuat samsu ini tidak menguntungkan lagi. Cara untuk mengurangkan pengguna bolehlah melalui undang-undang, khidmat nasihat dan rawatan. Sekarang Kerajaan menggunakan undang-undang tetapi ini tidak cukup. Jadi, dengan ini saya cadangkan supaya sebuah Pusat Pemulihan Samsu seperti Puaat Pemulihan Dadah iaitu PEMADAM ditubuhkan dan dibubuh di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri.

Satu cadangan yang saya yakin dapat menghapuskan kegiatan samsu gelap ini ialah dengan cara suatu badan khas mengambilalih kegiatan membuat dan mengedarnya dengan subsidi atau bantuan supaya kos pembuatan rendah dan termampu oleh penagih-penagih sebelum mereka dirawat.

Penagih mesti penagih dan mesti minum hingga dirawat. Dalam masa transition ini, dengan izin, iaitu dari penagih kepada dirawat, saya cadangkan bekalan samsu mesti datang dari suatu badan khas ini di seluruh negara. Kewangan untuk skim ini mestilah datang dari badan-badan sukarela yang bersimpati dan dengan bantuan Kerajaan seperti PEMADAM juga.

Tuan Yang di-Pertua, inilah two-prong approach, dengan izin, yang saya cadangkan iaitu pencegahan dan pemulihan untuk mengurangkan penagihan dan kesan-kesan buruk darinya dan juga untuk mencegah dan menghapuskan pengedaran dan perbuatan samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam,

4.12 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang turut serta membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya di Dewan yang mulia ini kelmarin.

Dan juga saya tidak lupa mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya, yang kedua-duanya mereka baru dilantik di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya menyokong untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Menghapuskan Samsu Gelap) 1976, malah jika boleh saya mencadangkan Kerajaan patut supaya menghararakan semua jenis minuman yang memabukkan dan mengkhayalkan manusia.

Tuan Yang di-pertua, kita bincang samsu gelap, barangkali ada aamsu cerah. Yang sebenarnya, samsu gelap dan samsu cerah adalah sama serupa. Samsu gelap dan samsu cerah bersama dengan minuman lain yang memabukkan adalah juga sama hukumnya sebab itu haruslah disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah digubal tentulah ada sebab-sebab tertentu yang lebih mendorong pihak Kerajaan membuat Akta dan Undang-undang ini lebih lagi ketat. Satu di antara sebab-sebabnya mungkin telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya. Antaranya samsu gelap, malahan bukan samsu gelap serupa sahaja iaitu semua jenis minuman yang memabukkan dan memudaratkan, merosakkan diri seseorang, bukan sahaja merosakkan dan memudaratkan kepada diri seseorang itu, malah ia merosakkan orang lain. Merosakkan diri sendiri bagi orang yang minum samsu atau apa juga minuman yang memabukkan dan mengkhayalkan. Merosakkan kepada dirinya, merosakkan kepada akal dan tubuh badannya dan boleh jadi tidak siuman apabila perkataan mabuk itu. Malah ia merosakkan kepada orang lain, ia membuat keadaan haru-biru di jalan dan juga semasa ia pulang ke rumahnya dengan keluarga sendiri dan jiran sebelah-menyebelah rumah. Yang saya katakan boleh merosak orang lain, orang yang mabuk ini ialah apabila ia telah membawa kereta sehingga kadangkala terjadi melanggar orang. Apabila orang itu telah melanggar orang, barulah hendak memeriksa ia mabuk atau tidak, dalam dirinya ada alkohol atau tidak. Mengapa tidak dilarang dari awal supaya orang ini jangan minum langsung diharam, dihapuskan dan dicegah dari mula-mulanya lagi.

Dengan sebab itu perlulah bukan sahaja tentang samsu gelap tetapi dalam semua jenis minuman-minuman keras yang memabukkan patut diharamkan atau dihapuskan terus. Sebab saya anggap minuman mabuk ini boleh jadi ketagihan juga seperti orang yang kena ketagihan najis dadah juga. Sebab lama kelamaannya boleh membawa maut akibat kepada penagih-penagih minuman keras ini selain daripada minuman samsu gelap yang sedang kita bincangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya katakan tadi, pihak orang-orang yang mabuk ini telah melakukan perkara yang merosakkan dirinya dan merosakkan diri orang lain.

Di dalam Dewan ini kita telah membincangkan mengenai perkara rogol, menaikkan denda, jail dan denda kewangan yang tinggi. Mengadakan compound dan sebagainya kepada orang yang melakukan kesalahan, malah ada cadangan sebagai ada hukuman mandatori jail tertentu dengan tahun-tahun tertentu kepada orang yang bersalah misalnya merogol. Tetapi tidakkah kita berfikir bahawa orang yang bersalah kerana merogol itu adalah kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang mabuk kerana orang yang siuman jarang melakukan perkara-perkara seumpama itu. Kita pun terbaca di dalam suratkhbar selalu terlihat di sana bahawa ada beberapa peristiwa di mana orang yang mabuk telah melakukan perbuatan yang keji itu. Jadi perkara ini perlulah kita mengambil perhatian yang sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya suka sebutkan di sini ialah sebab dan musabab mengapa orang-orang itu minum. Apabila kita cari punca dan sebab-musababnya, mungkin kita boleh

mengetahui dan mengatasi selain daripada mengenakan hukuman-hukuman yang telah kita tetapkan ini. Kita juga boleh mengatasi melalui jalan-jalan yang lain.

Kita sedar bahawa semua pekerja atau kebanyakan pekerja apabila telah letih bekerja di ladang-ladang dan sebagainya, bekerja berat-berat maka mereka juga mahu beristirehat, mahu kepada berhenti daripada penat dan letih. Pekerja-pekerja di ladang barangkali ada di antara kita yang tidak tahu kehidupan di ladang bahawa bekerja di ladang yang kurang bernasib baik mempunyai rumah kediaman yang kecil, bukan sahaja mereka mempunyai rumah kediaman yang kecil tetapi mereka mempunyai kemudahan-kemudahan yang terbatas. Mereka tidak ada bekalan api elektrik dan tidak dapat kemudahan-kemudahan yang cukup. Kalaupun ada lampu elektrik dibenarkan pasang pada waktu-waktu tertentu, umpamanya ditetapkan oleh majikan boleh menggunakan lampu dari pukul 7.00 petang hingga 10.00 malam yang boleh pasang lampu sedangkan pekerja-pekerja ini balik daripada ladang dari jam 2.00 petang sehingga 7.00 malam.

Mereka ini tidak ada apa-apa pekerjaan lain melainkan duduk sahaja sedangkan rakari-rakan mereka atau orang lain yang tinggal dalam bandar atau di tempat yang mempunyai kemudahan bekalan api elektrik, orang ini boleh melihat TV tetapi orang yang tidak mendapat kemudahan TV atau tidak dapat melihat TV ini, apa yang mereka hendak buat, kalau tidak minum samsu dan arak pada masa terbuang ini.

Jadi kita harus berfikir sama-sama untuk mengataai masalah tersebut. Kita tidak kira sesiapa dan apa pekerjaan mereka tetapi mereka adalah rakyat Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah di negara kita ini iaitu didapati penjualan minuman arak ini selain daripada samsu gelap yang sedang dibincangkan ini tetapi terlampau bebas dijual, nampaknya, tidak ada sekatan langsung dari segi undang-undang atau perlesenannya sebab penjualan arak ini boleh didapati di kedai-kedai jualan barang-barang runcit, kedai kopi dan kedai-kedai jual ubat di pekan-pekan kecil.

Dan penjualan arak dalam botol dan samsu dalam plastik yang berharga antara 50 sen ke 80 sen didapati ada dijual di kedai-kedai, di pekan-pekan kecil. Bahkan penjualan minuman arak ini sekarang sudah menular di kampung-kampung masyarakat Orang Asli di kawasan luar bandar atau lebih tepat lagi di pendalaman yang ada kedai jualan barang-barang runcit. Saya dapati jarang sekali yang tidak ada jualan minuman arak ini di tempat-tempat: tersebut,

Misalnya pada masa diadakan perayaan keramaian seperti kenduri kahwin dan lain-lain jamuan diadakan keramaian. Dan setengah kampung, musim menunggu durian di kampung-kampung Orang Asli, penjual minuman arak ini malam-malam akan datang dengan van menjual minuman arak-arak ini hingga larut malam seperti penjual ikan dan sayur-sayuran.

Saya berasa bimbang atas perkara ini kalau terus dibiarkan berleluasa penjualan arak ini di kampung Orang Asli akan menjadi masalah sosial di kalangan masyarakat ini di masa akan datang. Saya harap pihak Kerajaan atau Kementerian berkenaan akan membuat kajian tentang tempat-tempat, kedai menjual minuman arak ini dengan mengadakan peruntukan Akta atau Undang-undang jika belum ada, dengan tindakan sekatan jualan minuman arak ini. Tidak bebas seperti sekarang kedai runcit, kedai kopi dan kedai ubat boleh jual minuman arak, nampaknya tidak payah lesen, bebas untuk jual minuman arak. Dan patut dikhaskan diterapat-tempat tertentu sahaja yang boleh menjual dan membawanya, sebab minuman arak atau minuman keras ini sama juga merbahayanya dengan penagihan dadah dan samsu gelap yang undang-undangnya sudah diperkatakan, diperkenalkan dengan denda dan hukuman yang lebih berat, sesiapa yang melakukannya.

Dalam anggapan saya, kes minuman arak ini adalah adik-beradik dengan kes penagihan dadah dan samsu gelap. Lama-kelamaan akan menjadi mendatangkan ketagihan kepada sesiapa pun peminum arak ini. Tanpa arak, dia tidak akan ada tenaga untuk bekerja dan akan menghabiskan wang ringgitnya untuk membeli minuman arak dan akhirnya akan mengakibatkan, merosakkan, menjejaskan kesihatan tubuh dan badan akibat minuman keras tersebut, walaupun tidak cepat seperti risiko samsu gelap atau najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun samsu haram telah mengakibatkan banyak kematian berlaku di negara kita ini, tetapi malangnya masyarakat kita masih ramai lagi juga tidak sedar tentang bahayanya. Saya juga bersetuju dengan pandangan Menteri yang berkenaan bahawa Rang Undang-undang yang ada sekarang tidak cukup kuat. Dengan adanya pindaan ini, orang-orang yang mengilang, memperdagang, memiliki, menjaga atau mengawal samsu haram akan dihukum seberat-beratnya.

Di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memberi penerangan. Oleh yang demikian, diharap setiap orang di negara ini harus menjauhi diri daripada samsu atau arak, minuman yang memabukkan, agar rakyat jelata hidup selesa tanpa alkohol di negara yang beragama Islam ini. Seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini sebagai satu langkah menghormati Raja dan Negara.

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

4.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya bahas masalah samsu gelap, terlebih dahulu saya ucap ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang mana telahpun memberi peluang kepada saya, juga saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua yang telah dipilih dan dilantik pada dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah dengan tujuan kerana menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap), 1976. Sebelum saya memanjang perbahasan saya pada petang ini, terlebih dahulu, Tuan Yaag di-Pertua, saya metninta maaf kepada kawan-kawan dan saudara saya sama ada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun yang tidak Ahli Yang Berhormat di luar Dewan ataupun di dalam Dewan yang bukan beragama Islam. Sebab saya bimbang, takut-takut mereka mengatakan saya ini adalah seorang yang merepek atau seorang yang fanatik di dalam Islam. Bukan sebenarnya begitu.

Saya bercakap ini di atas dasar penduduk yang berada dalam Malaysia sebagaimana yang kita maklum dan pernah saya bercakap ialah penduduk majmuk, yang bererti penduduk yang berada di Malaysia ini ialah berbilang kaum, berbilang bangsa, dan berbilang agama. Di dalam Perlembagaan Malaysia telahpun menetap Islam adalah agama rasmi negara tetapi dibebas, diboleh kepada orang lain daripada Islam untuk menjalankan tugas agama masing-masing. Jadi, oleh hal yang demikian, perasaan saya sebagai seorang Islam, perasaan kasih sayang saya kepada rakyat Malaysia tidak kecuali apa bangsa dan apa agama sama dengan saya kasih kepada diri saya. Walaupun mereka beragama lain, walaupua mereka bangsa lain, kerana adalah mereka jiran, Jiran, orang yang sudah bermastautin dan patuh dan taat kepada negara, kepada Raja dan kepada pemimpin. Dengan sebab itu

terpaksa kepada kita orang-orang Islam memandang kepada mereka ini sama dengan kita. Jadi, dengan sebab demikian, saya bercakap ini ialah kepentingan semua bangsa. Bukan khas kepada orang Melayu yang beragama Islam sahaja, tidak. Cumanya saya hendak menerangkan hakikat kenapakah Islam melarang seluruh umat manusia meminum satu perkara yang menghilangkan akal fikiran mereka, kenapa?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang manusia yang kita paling sayang sekali kepada kita iaitu nombor satu sekali, akal yang kita paling sayang, ialah akal fikiran. Sebab inilah perkara yang paling penting yang dinamakan manusia itu insaniah yang dibolehkan mereka itu menjadi khalifah memerintah, mentadbir, mengatur alam dunia ini dengan sebab diletak satu nur, satu cahaya di dalam diri manusia yang tidak ada pada makhluk-makhluk yang lain.

Jadi ertinya akal itu adalah satu perkara yang amat penting, perkara yang amat disayangi, yang amat dihargai. Sebab sebagaimana kita maklum - nauzubillah - kalaulah seorang manusia sudah hilang akal, orang panggil, maaf, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kasar, orang panggil 'orang gila' - orang Melayu panggil. Apabila seseorang sudah gila, tidak ada akal, kalau kira nilainya tubuh dia dengan seekor kambing mahal kambing, kalau hendak kira sama daging. Kalau hendak kira tubuh badan, tubuh, daging, darah, urat, lendir kita dengan seekor kambing pun mahal harga kambing sebab kalau kambing orang sanggup pelihara tetapi orang gila siapa hendak pelihara? Siapa sanggup pelihara, hatta ibubapa sendiri pun tak sanggup pelihara di rumah, mesti hantar rumah sakit, hantar pada Kerajaan, bubuh dalam pukot, tempat gelap, tempat khas untuk dia. Berertinya dia sudah tidak ada harga, sudah tidak ada nilai, tubuh badan manusia, benda tak ada nilai. Sebab manusia itu menjadi mahal harganya yang Tuhan pua akui - Firma Allah yang maksudnya: Kami menjadikan manusia biahsani taqwm, dengan izin, seelok-elok kejadian. Mengapa demikian? Sebab akal fikiran, dia tidak kira rupa sama ada putih, molek, hidung mancung, pinggang ramping dan sebagainya. Ini tidak ada nilai.

Umpamanya sekolah hendak kira sijil, ambil gambar dulu, orang itu hidung mancung dapat sijil A, yang hidung kemek sedikit B - tidak, Tetapi dia kira kelulusan, ertinya tempat nilainya ialah akal fikiran. Ini adalah satu perkara yang paling mustahak sekali kepada seluruh umat manusia, tak kira apa bangsa, tak kira apa agama. Akal fikiran adalah satu perkara yang paling penting.

Yang kedua ialah perkara yang penting kepada manusia ugama atau pegangan- walaupun apa ugama, sebab itu kita sifatkan semua ugama benda sensitif. Ertinya benda yang manusia tak boleh paksa, maka ugama tak kira ugama mana-mana, tak kira ugama mana, benda sensitif, benda yang tidak boleh hendak sentuh. Seseorang itu kecil tengok orang kalau sentuh agatna dia, dia berasa marah, tidak berasa takut dan sanggup korbankan diri dia demi kepentingan ugama. Ini benda penting. Sebab ugama itu adalah satu perkara yang hendak mengatur hidup manusia, benda yang akal fikiran hendak suluh, tempat suluhan akal. Sebab akal kalau tidak ada panduan dia tak boleh buat panduan. Kalau tak ada lampu hendak suluh apa? Akal itu nur, suluhan, kalau tak ada benda itu hendak suluh dengan apa? Jadi mesti kena ada benda itu untuk suluh, ada pegangan dia.

Yang ketiga, benda yang manusia kasih ialah harta-benda. Sebab adalah benda keperluan kepada diri manusia dan kepada ruh manusia adalah melalui harta. Dengan kata lain, alat untuk hendak menyelamatkan seseorang manusia hidup di dunia dan di akhirat, satu daripadanya ialah harta - itu satu daripada sebabnya. Sebab dalam Islam kalau tidak ada harta hendak ke Mekah tidak boleh, kurang satu. Tidak ada harta tak boleh keluar zakat, kurang dua. Kalau orang belanja orang boleh beri 10 rial, kita tidak ada harta satu rial takkan sama dengan 10 rial, tak sama. Jadi berertinya harta, yang ketiga ialah perkara yang penting juga kepada manusia.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah maruah. Maruah diri seseorang. Ini pun perkara yang manusia mesti jaga, disiplin itu apa dia maruah. Tatasusila, peri kemanusiaan, sebab itu tidak

boleh orang hendak maki kita, hina kita tidak boleh. Kalau dia mahu maki kita, buat fitnah kita bertanya khabarlah. Itu perkara penting.

Yang kelima ialah nyawa ataupun diri kita sendiri. Yang keenam, nasab, titih kita, perhubungan titih menentukan A ini anak siapa? Ini penting sebab pergantungannya banyak - berkenaan harta dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, enam perkara yang saya sebutkan ini adalah perkara yang tak dapat tidak mustahak kepada tiap-tiap manusia untuk hendak selamat, bererti manusia terpaksa mengawal dan kena jaga perkara ini. Kalau dalam Islam dipanggil "kulliah yaknam" yang tiap-tiap orang mesti jaga perkara ini.

Jadi dengan sebab itu dilarang dan tidak patut manusia merosakkan kepentingan diri masing-masing, enam perkara tadi, tidak patut, lebih-lebih lagi pula yang menyebabkan, yang merosakkan akal fikiran manusia, yang menyebabkan manusia bertukar daripada peri kemanusiaan kepada haiwanian. Jadi dengan sebab itulah, Allah Subhaahu wa Taala telah memberi penerangan kepada kita di dalam al-Quran, pada ayat yang tiga kali diturunkan masalah penegahan minuman, perkara yang memabukkan dan menghilangkan akal fikiran yang dinamakan arak, tuak atau apapun panggilan tak kiralah.

Rasulullah s.a.w. bersabda: Maksudnya, tiap-tiap perkara yang memabukkan yang menghilangkan akan akal seseorang itu adalah

diistilahkan dengan nama arak, tak kira apa nama, tak kira daripada mana pembuatnya, daripada mana bahannya, bersih atau tidak, gelap, cerah, semua adalah khamrun. Sabda Rasulullah: s.a.w. wa kullu khamrin haramun - tiap-tiap arak adalah haram.

Tetapi Tuhan hendak memutus mengatakan haram ini tiga kali. Sebab itu dikatakan Islam ini agama 'al-asabiyyat', maknanya beransur-ansur secara bertolak ansur. Sebab itulah saya berasa bersyukur ke hadrat Allah s.w.t, yang mana Allah s.w.t. telahpun mengurniakan taufik dan hidayah kepada pemimpin kita terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telahpun menampakkan dan menanjakkan setangga ke setangga meminda undang-undang masalah arak, masalah perkara yang menghilangkan akal yang memabukkan ini dari setangga ke setangga.

Semoga, insya Allah kita sama-sama berdoa apabila semua masyarakat yang berada dalam Malaysia, rakyat anak Malaysia menerima dan saya yakin menerima, sebab semua yang bercakap dua hari lepas saya perhatikan semuanya menyokong mengatakan arak ini tidak molek belaka. Sekarang kita sudah nampak, bukan Islam sahaja, tidak. Walaupun orang tidak beragama Islam pun sudah tetap mengatakan perkara yang menghilangkan akal ini tidak elok. Insya Allah kita berasa tidak berapa lama lagi sudah faham semua kita boleh menetapkan sebagaimana Tuhan mengatakan - bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan menilik - maknanya mencari nasib - nujum adalah daripada perbuatan syaitan. Maka jauhilah kamu wahai manusia akan perbuatan syaitan, yakni mabuk itu, maka tetap kamu akan mendapat kejayaan dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang adalah satu sebab Allah s.w.t. mengadakan undang-undang syariat, kita mengadakan undang-undang, mengubal undang-undang, membuat undang-undang kita dengan tujuan hendak mencegah arah, untuk hendak menyelamatkan rakyat

jelata kita. Bagaimana kita memikirkan semoga rakyat jelata kita supaya selamat daripada penagihan arah, bagaimana rakyat negara kita semua selamat daripada penagihan samsu gelap, bagaimana, bagaimana, kita memikir, kita buat undang-undang dengan tujuannya dengan undang-undang ini hak, hak yang mana degil yang hendak membuat juga, maka tempahlah. Ertinya bukan matlamat kita kerana hendak menganiaya rakyat kita, hendak rotan rakyat kita, hendak memasukkan jel rakyat kita, tidak kerana itu, kerana hendak menyelamatkan rakyat jelata kita semoga mereka hidup di dalam dunia ini terutama dalam negara Malaysia ini dengan keadaan aman dan sentosa dan selamat. Kalau boleh selamat dunia dan selamat di akhirat. Itulah yang kita kehendaki.

Ertinya undang-undang yang kita buat ini adalah perkara yang amat patut, maka sesuai sekali semoga apabila dia mendengar undang-undang ini adalah perkara yang tidak boleh ditanggung oleh dirinya, itulah perasaan nafsu dia hendak membuat perkara itu adalah maknanya tidak kuat sangat, menerima.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tetapi walau bagaimanapun pada pandangan saya, saya fikir perkara ini tidak memadai dengan undang-undang sahaja tetapi mesti undang-undang ini sebagai-bagus dan mesti disokong dan insya Allah, kita pun akan luluskan undang-undang ini. Tetapi walau bagaimanapun undang-undang tidak dapat kita hendak basmikan perkara yang tidak diingini itu. Jadi apabila kita sedar bahawasanya undang-undang ini adalah satu alat untuk kita hendak membasmi dan menghapuskan peminum- peminum samsu gelap atau samsu cerah, benda yang paling mustahak sekali ialah kerjasama daripada semua lapisan masyarakat.

Ini perkara yang paling penting walaupun sudah semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap akhirnya had ini sahaja, tetapi saya terpaksa ulangnya pula. Ini perkara yang mustahak.

Yang susah sekal kita bidup ini sifat, orang Arab panggil "ananiah" - maknanya aku aku, kamu kamu, Sifat ini yang susah, yang rosak, Sifat aku aku, kamu kamu kalau pendek kata, orang Melayu kira orang Melayu, orang bangsa Cina kira dia, orang India kira dia. Kalau berpuak-puak begitu barulah. Lagi pula orang Kelantan cara Kelantan, orang Pahang cara Pahang, orang Johor cara Jobor, ikut puak. Kemudian ikut kampung pula. Ini penyakit. Kalau perkara ini kalau semua lapisan masyarakat sudah memahami bahawsanya penduduk sesebuah negara ini ialah satu anggota, satu tubuh badan yang wajib dipertanggungjawabkan untuk menyelamatkan masing-masing, saya rasa insya Allah, semua perkara dapat dihapuskan.

Kalau kita hendak harap kepada Kerajaan sahaja, kita katalah kepada penguatkuasa, kepada Polis atau kepada Kastam berapa orang sahaja, berapa orang yang mereka ini dengan nisbah semua penduduk? Hendak pula penguatkuasa Polis, penguatkuasa Kastam pergi ke tempat orang membuat samsu gelap, buat kata sebulan sudah dia minum, yang kita baru sampai, dia sudah minum sebutan baru kita nampak. Jadi yang mustahak sekali orang yang bampir, tiap-tiap seorang penduduk Malaysia ini biar bertanggungjawab kepada negara dan kepada penduduk ini, perasaan semua penduduk adalah satu, sama juga.

Kalau tidak molek, nasihat; dengan berbagai-bagai cara. Inilah perkara yang menjadi masalah. Kalau boleh berjiwa seumpama ini, insya Allah kita hidup di dalam Malaysia ini akan selamat selama-lamanya. Tetapi kalaulah perasaan diri masing-masing, aku-aku, mu-mu - nanti masa sahajalah. Nanti sampai masanya sahaja akan luruhlah benda ini.

Jadi, oleh sebab itulah saya berpendapat benda yang paling penting sekali selain daripada undang-undang yang kita akan lulus dan kita sedang gubal pada masa akan datang beberapa undang-undang, kita mesti bertanggungjawab. Tanggungjawab kepada negara, kepada negeri, kepada masyarakat umum masing-masing. Kalau tidak molek, kita nasihat. Itu dasar. Jangan kira siapa. Kenal tak kenal, tak kira. Nampak tak molek, kita berunding balik. Cari orang tua, beritahu dia dan pergi nasihat. Saya rasa kalau semangat itu ada pada kita, kita rasa insya Allah kita akan selamat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya pada petang ini. Jadi buat akhirnya saya menyokonglah sekali lagi satu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini. Saya sangat menghargai

pandangan-pandangan mereka dan syor-syor yang telah diberi untuk memperbaiki keadaan ini dan juga sokongan-sokongan yang padu yang mereka telah beri kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dalam perbahasan mereka, mereka telah menganalisa perkara mengapakah banyak di antara penduduk-penduduk di ladang-ladang dan juga di luar bandar menjadi mangsa kepada samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menjawab setiap cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian terutama kepada cadangan Yang Berhormat Senator-Senator Tuan R.M. Jasni, Tuan Rajoo, Tuan V.K. Sellappan, Puan Ainon Ariffin, Tuan Lau Keng Siong, Tuan Balanram Pethanaidu, Tuan Hamid Araby, Puan Valli Muthusamy, Tuan Dahlan Haji Etnbun, Tuan Hassan bin Nam, Tuan Haji Mohd. Noor Haji Abdullah, Dr. Tan Chong Keng, Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, Tuan C. Krishnan dan Tuan Ng Peng Hong.

Tuan Yang di-Pertua, pelesenan penjualan samsu gelap ini apa Kerajaan ingin hapuskan ialah gejala samsu gelap sebagaimana yang ditafsirkan atau yang ditakrifkan di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Apa yang dimaksudkan dengan bahan berbahaya ditakrifkan di dalam Akta seperti berikut:-

"Bahan berbahaya ertinya apa-apa benda yang tidak layak untuk kegunaan manusia atau yang penggunaannya adalah mendatangkan bencana kepada manusia bagaimana yang diperakui oleh seorang ahli Kimia Kerajaan atau seorang pegawai perubatan Kerajaan."

Cadangan untuk menyenaraikan apa dia bahan bahaya akan diambil perhatian sebagaimana yang telahpun disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Dr Tan Chong Keng.

Oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu pendidikan dan pencegahan dari segi sikap mereka yang menjadi ketagih samsu saya mengakui kepentingan ini dan Kerajaan akan seboleh-bolehnya menggunakan media-massa untuk tujuan ini. Tetapi adalah juga menjadi tanggungjawab keluarga-keluarga dan badan-badan masyarakat untuk membantu dalam proses ini dengan bimbingan dan juga bantuan untuk pemulihan atau rehabilitation, dengan izin.

Cadangan untuk mengenakan hukuman yang berat kepada kegiatan samsu gelap ini Kerajaan menyokong atas cadangan tersebut di samping meminta kerjasama daripada rakyat juga.

Mengenai cadangan hukuman gantung dikenakan sekiranya mengulangi kesalahan samsu gelap, saya rasa cadangan ini perlu dikaji dengan mendalam sebelum apa-apa keputusan dilaksanakan. Buat masa kini tindakan diambil untuk menambah penalti yang terkandung dalam Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Dengan tindakan ini diharap rakyat akan dapat menghindarkan diri daripada gejala samsu gelap. Bagi cadangan melucutkan kerakyatan mereka yang terlibat dengan samsu gelap, ini juga akan dikaji.

Mengenai seksyen baru 5 yang bertujuan menggantikan seksyen 5 yang sedia ada, sebenarnya ia telah dihuraikan di dalam perenggan 4 dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Dengan adanya peruntukan baru ini adalah diharapkan bahawa gejala samsu gelap ini dapat dihapuskan atau setidak-tidaknya dikurangkan. Seseorang itu akan didakwa di bawah seksyen baru 5 kerana memiliki samsu gelap tanpa mengira banyaknya samsu yang dimiliki. Peruntukan ini akan menjadi deterrent, dengan izin, kepada sesiapa yang terlibat dengan samsu gelap.

Menyentuh kepada cadangan untuk menubuhkan pusat-pusat pemulihan, mengadakan kemudahan-kemudahan oleh majikan kepada pekerja-pekerja seperti Taman Rekreasi untuk menggalakkan pekerja-pekerja daripada terlibat dengan samsu gelap, cadangan mengadakan pendidikan kemasyarakatan supaya mencegah mereka daripada ketagihan samsu serta mengadakan kaunseling berkaitan dengan samsu gelap; didapati seraua cadangan-cadangan ini memang baik dan Kerajaan berharap majikan-majikan akan mengambil perhatian.

Mengenai cadangan supaya mengadakan dan melancarkan kempen-kempen tentang kesan-kesan buruk mengenai samsu gelap ini melalui kempen-kempen pendidikan dan rencana-rencana bersiri melalui media-massa yang menerangkan akan bahayanya samsu gelap ini, Kerajaan memangnya telahpun mengadakannya dari masa ke semasa kempen-kempen tersebut. Walau bagaimanapun, atas cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat itu, kita akan membaiki lagi cadangan kempen-kempen yang disyorkan itu.

Yang Berhormat Senator R.M. Jasni dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor ada menyentuh mengenai penerapan nilai-nilai Islam terhadap penagihan dadah dan penagihan samsu gelap ini. Kita akan cuba melaksanakan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini sekiranya ianya difikirkan sesuai.

Sekiranya saya tidak dapat menjawab dan memberi penjelasan dan keterangan yang lebih mendalam terhadap kandungan Rang Undang-undang ini untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta maaf. Saya harap apa yang saya jelaskan di sini adalah cukup jelas dan juga Rang Undang-undang ini yang mengandungi huraian dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris pun cukup jelas.

Oleh kerana hal demikian, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai tindakan undang-undang bagi mengharamkan orang-orang di bawah 21 tahun membeli samsu. Cadangan ini juga akan dikaji dengan raendalam. Oleh kerana ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini yang mengatakan bahawa kita tidak harus membiarkan kanak-kanak yang di bawah umur 21 tahun membeli, menjual atau meminum samsu gelap, ini adalah satu perkara yang kita akan ambil pertimbangan yang lebih berat supaya menyelamatkan masa depan kanak-kanak dan muda-mudi negara kita.

Dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih atas cadangan membina yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KOKO MALAYSIA (PEMERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia 1988 bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, industri koko Malaysia yang sedang berkembang dengan pesatnya mempunyai potensi untuk kekal sebagai tanaman eksport ketiga bagi Malaysia, iaitu selepas getah dan kelapa sawit. Oleh itu penanamannya secara besar-besaran akan dijalankan untuk menentukan kecekapan pengeluaran dan mutu keluaran. Kemajuan yang pesat di dalam industri ini dapat dilihat daripada perkembangan yang pesat kawasan yang ditanam dengan koko, di samping peningkatan pengeluaran dan eksport biji koko. Keluaran tanaman koko telah meningkat dari 48,480 hektar di dalam tahun 1977 kepada 341,000 hektar di dalam tahun 1987. Manakala pengeluaran biji-biji koko meningkat daripada 16,700 tan metrik di dalam tahun 1977 kepada 185,000 tan metrik di dalam tahun 1987. Pendapatan eksport dari biji koko juga telah meningkat daripada \$134 juta di dalam tahun 1977 kepada \$684 juta dalam tahun 1987. Pengeluaran koko Malaysia merupakan 1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar dalam tahun 1987. Manakala pendapatan eksport biji-biji koko dan keluaran-keluaran koko dianggarkan berjumlah \$863.7 juta yang merupakan 2% daripada jumlah pendapatan pertukaran wang luar negara.

Kepentingan industri ini juga dapat dilihat kepada peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkankannya, terutama di kawasan luar bandar. Dalam tahun 1987 seramai 48,000 orang termasuk buruh-buruh kontrak bekerja di ladang-ladang koko dan sebahagian daripada 100,000 isirumah bergantung sara hidup kepada tanaman koko sebagai satu punca pendapatan mereka. Perkembangan ini juga adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mempelbagaikan sektor pertanian negara, di samping dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Berdasarkan jumlah pengeluaran kira-kira 185,000 tan metrik di dalam tahun 1987, Malaysia telah muncul sebagai negara pengeluar koko yang keempat terbesar di dunia selepas negara Ivory Coast, Brazil dan Ghana.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun induatri koko di negara ini sedang berkembang dengan pesat, kita tidak dapat menafikan bahawa pasaran koko dunia masa kini adalah lembab kerana berlakunya 'surplus' di dalam bekalan koko di dunia dan seterusnya menyebabkan kejatuhan harga bagi komoditi ini. Keadaan ini secara langsung telah mengakibatkan kejatuhan harga biji-biji koko tempatan ke tahap yang agak membimbangkan. Harga koko di pasaran London pada masa ini ialah dalam lingkungan £1,050 ataupun \$4,800 dan di pasaran tempatan ialah di dalam lingkungan \$3,000 setan.

Di samping itu industri koko Malaysia masih menghadapi beberapa masalah. Antara masalah yang dihadapi ialah dari segi mutu. Berikut kandungan asid tinggi, saiz biji tidak seragam, masalah bilangan, kiraan biji serta lain-lain masalah yang menyebabkan koko Malaysia pada kebiasaannya dijual dengan harga diskaun di pasaran antarabangsa. Selain daripada itu, industri koko masih dlanda serangan penyakit, serangga dan perosak yang memerlukan pengawalan serta pengawasan rapi. Oleh yang demikian, bagi memastikan keadaan ini tidak terus mengancam kemajuan industri koko negara, satu perancangan yang cekap dan teratur perlu dirangka supaya koko yang dikeluarkan mendapat peluang yang setimpal. Menyedari masalah-masalah inilah maka Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah agensi khusus untuk memberikan dorongan dan pimpinan ke arah satu pendekatan yang lebih teratur dari segi kemajuan masa depan industri koko di dalam berbagai aspek.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada masa ini terdapat agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan industri koko, iaitu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Institut Penyelidikan Koko Quoin Hill di Sabah dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), tetapi badan-badan tersebut iaitu MARDI dan FAMA juga bertanggungjawab ke atas lain-lain tanaman dan aktiviti. Menyedari tumpuan khusus perlu diberikan terhadap industri koko maka Kerajaan berpendapat sebuah badan khusus yang bertanggungjawab ke atas segala aspek pembangunan industri koko perlu ditubuhkan. Walau bagaimanapun, kerjasama rapat antara Lembaga Koko Malaysia dan MARDI serta juga FAMA akan tetap diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Koko Malaysia (LKM) dicadangkan ditubuhkan supaya ianya dapat memberikau satu fokus kebangsaan dan pendekatan pembangunan yang selaras dan bersepadu (Integrated approach), dengan izin, yang merangkumi fungsi-fungsi penyelidikan dan pembangunan, pemasaran dan pengawalan, penggredan, pendaftaran, pelesenan dan persijilan.

Berhubung dengan tungsi penyelidikan Kerajaan telah menelitinya dengan mendalam terutamanya aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI pada masa ini. Memandangkan penyelidikan koko yang dijalankan oleh MARDI pada masa ini adalah saling kait mengait dengan beberapa tanaman yang tidak boleh dipisahkan maka Kerajaan memutuskan bahawa penyelidikan mengenai koko dan tanaman-tanaman selingan iaitu kelapa dan kopi yang berkaitan dengan pekebun kecil yang sedia dijalankan oleh MARDI pada masa ini terus dikekalkan di bawah tanggungjawab MARDI. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan aktiviti penyelidikan ini dijalankan oleh MARDI pada masa ini terjejas. Namun demikian Lembaga Koko Malaysia adalah bertanggungjawab bagi menentukan supaya segala aspek penyelidikan mengenai koko dijalankan dengan teratur dan berkesan terutamanya penyelidikan adalah suatu fungsi yang penting jika keluaran koko Malaysia hendak mencapai tahap yang mampu bertanding di pasaran antarabangsa. Penyelidikan ini dimaksudkan bertujuan untuk mencntukan kecekapan industri koko melalui peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran, termasukmenambahkan hasil pengeluaran dan meningkatkan mutu biji-biji koko. Di antara aspek-aspek penyelidikan yang terlibat adalah fungsi mengenai pembiakan, penyelidikan, biologi dan agromoni, kawalan penyakit-penyakit koko dan makhluk perosak, pemprosesan dan pengeringan biji-biji koko, pcnyelidikan penggunaan akhir

serta khidmat nasihat kepada pengeluar dan pemeroses terutamanya bagi pelaksanaan inovasi-inovasi dan penemuan-penemuan penyelidikan.

Melalui fungsi pendaftaran dan perlesenan pula ianya akan dapat mewujudkan amalan dan kemajuan industri dengan lebih teratur di samping dapat mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat dan risikan pasaran yang dapat membantu di dalam merangka dasar-dasar dan program untuk kemajuan industri ini. Dari segi pemasaran pula, langkah-langkah akan diambil bagi memperbaiki sistem pemasaran, mempelbagaikan pasaran bagi koko, menjalankan usaha-usaha menambah syer pasaran di pasaran-pasaran tradisi yang sedia di samping menembusi pasaran-pasaran baru di negara-negara pesat membangun seperti Timur Jauh. Dengan penubuhan Lembaga Koko Malaysia kelak, Lembaga tersebut dapat bersama-sama Kementerian merangka strategi memasarkan dengan lebih berkesan bagi menjaga kepentingan koko Malaysia. Di samping usaha-usaha ke arah galakan pasaran dan menjamin mutu koko Malaysia kita juga perlu menentukan supaya peraturan-peraturan kontrak jualan koko dari Malaysia diperkemaskan supaya Malaysia diterima sebagai sumber koko yang dipercayai.

Sumber kewangan Lembaga diperolehi dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri, pinjaman, hasil dari pelaburan, bayaran komisen, yuran dan sebagainya selain daripada kutipan denda. Dari segi jangka panjang, sumber utama kewangan Lembaga adalah daripada pungutan ses ke atas koko dari Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan kejatuhan harga koko dan keadaan pasaran yang lembab pada masa ini, pelaksanaan kutipan ses dicadangkan ditangguhkan buat sementara waktu. Oleh itu, Kerajaan dikehendaki memberi

bantuan kewangan yang mencukupi untuk Lembaga melaksanakan aktiviti-aktivitinya hingga ke suatu masa apakala Lembaga berupaya membiayai keseluruhan aktivitinya.

Keahlian Lembaga adalah terdiri daripada Pengerusi dan tidak lebih daripada 15 orang ahli lain yang mewakili kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan bagi menjaga kepentingan industri. Kriteria-kriteria pengalaman dan kepakaran di dalam bidang industri koko akan diambil kira di dalam mempertimbangkan calon-calon terutama untuk dilantik sebagai ahli-ahli Lembaga.

Selaras dengan dasar integrasi nasional dan juga kepentingan negeri Sabah sebagai pengeluar koko yang utama maka telah dipersetujui supaya ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia ditempatkan di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, cawangan-cawangan atau stesen-stesen penyelidikan akan ditubuhkan di Semenanjung Malaysia untuk menjalankan penyelidikan, pengeluaran, pemerosesan dan penyelidikan guna akhir di samping bagi menguruskan hal ehwal pemasaran dan pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan. Selaras dengan matlamat tersebut dan kehendak bagi menentukan perkembangan industri koko pada masa hadapan yang teratur dan sihat maka Rang Undang-undang ini telah dirangka dan ianya dibahagikan kepada 6 Bahagian yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Bahagian I (Seksyen 1 dan 2) menyatakan tajuk Akta, mula berkuatkuasa dan berfungsi.
- (b) Bahagian II (Seksyen 3 hingga 17) memperuntukkan supaya diwujudkan satu Jemaah Lembaga Koko Malaysia yang mempunyai beberapa orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Menteri yang terdiri daripada Pengerusi dan tidak lebih daripada 15 orang ahli lain yang mewakili kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Bahagian ini juga memperuntukan fungsi-fungsi Lembaga yang luas merangkumi bidang-bidang utama seperti berikut:

Untuk menjalankan penyelidikan dan kemajuan mengenai pembiakan, penyelidikan biologi dan agronomi, kawalan penyakit dan serangga, perosak koko, pemerosesan dan pengeringan biji-biji koko, penyelidikan penggunaan akhir serta memberi khidmat nasihat kepada pengeluar dan pemproses mengenai pelaksanaan inovasi-inovasi dan penemuan-penemuan penyelidikan.

Untuk menggalakkan kemajuan pasaran melalui penilaian dan analisa ekonomi ke atas kos dan pulangan faedah berbanding dengan negara-negara pengeluar lain, kedudukan bekalan dan permintaan koko dunia, menyediakan garis panduan dan strategi-strategi mengenai pengeluaran termasuk aktiviti-aktiviti pemerosesan lanjut atau dengan pendek kata pemasaran. Lembaga ini juga akan mengawal-selia penyimpanan dan perkapalan terhadap koko dan pengeluaran koko. Menyelaras dan mengawal selia aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan yang berkaitan dengan pembungkusan, pengedaran dan eksport, galakan ke arah meningkatkan mutu koko melalui penentuan piawaian dan sistem pengredan yang cekap aerta penguatkuasaan ke atas keperluan-keperluan perlesenan dan pendaftaran.

Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan perbadanan jika difikirkan perbadanan tersebut sangat perlu ditubuhkan oleh Lembaga untuk mengukuhkan lagi penyelidikan yang akan dijalankan oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, perbadanan yang akan ditubuhkan itu hanya berkaitan rapat dengan fungsi-fungsi Lembaga dan pihak Lembaga hanya boleh berbuat demikian selepas mendapat kelulusan daripada Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Kewangan.

Bagi mentadbir Lembaga, Rang Undang-undang ini mempertuntukkan perlantikan seorang Ketua Pengarah yang dilantik oleh Menteri serta lain-lain pegawai dan kakitangan yang dilantik oleh Lembaga. Tugas Ketua Pengarah meliputi tugas pentadbiran dan teknikal termasuk mengadakan dan menyelenggara perkhidmatan kesetiausahaan yang perlu bagi kelancaran perjalanan fungsi Lembaga.

- (c) **Bahagian III (Seksyen 18 hingga 21)** memperuntukkan bagi menubuh Tabung Lembaga Koko Malaysia yang akan ditadbirkan oleh Lembaga. Adalah dijangkakan bahawa ses akan menjadi sumber kewangan yang utama kepada Tabung ini. Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, wang yang dipungut dari bayaran pendaftaran dan pelesenan, pendapatan dari pelaburan dan juga pinjaman adalah merupakan lain-lain pendapatan kepada Tabung ini.
- (d) **Bahagian IV (Seksyen 22)** memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap industri koko untuk membuat perintah bagi mengenakan, mengubah atau membatalkan sesuatu ses atau ses-ses ke atas koko.
- (e) **Bahagian V (Seksyen 23)** memperuntukkan supaya Lembaga mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, bagi menjamin amalan kewangan Lembaga ini supaya selaras dengan amalan kewangan yang dikehendaki oleh Kerajaan.
- (f) **Bahagian VI (Seksyen 24 hingga 28)** bertujuan mengekalkan MARDI untuk meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan mengenai koko yang ada kait dengan tanaman-tanaman selingan iaitu kelapa dan kopi bagi pekebun kecil, manakala fungsi-fungsi mengenai penggredan, pendaftaran, pelesenan dan persijilan yang dijalankan oleh FAMA akan dipindahkan kepada Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan. Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.25 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988. Sebelum itu saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-pertua, kerana dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewakili Menteri Perusahaan Utama di dalam membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi yang mana bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia untuk memberi tumpuan negara dan pendekatan yang lebih teratur dan bersama bagi memperkukuhkan penyelidikan dan kemajuan dan sebagai satu tunjang untuk pemerosesan dan penggalakan pemasaran dan juga untuk menjalankan pendaftaran dan perlesenan bagi mewujudkan perjalanan yang lebih teratur dan kemajuan di dalam industri koko.

Tuan Yang di-pertua, koko adalah satu perusahaan baru di dalam bidang pertanian negara ini. Oleh itu, ianya amatlah perlu dipaparkan kepada masyarakat pekebun, sama ada pengusaha pekebun ladang besar ataupun pekebun-pekebun kecil dan perlulah dijadikan

bahan makanan ketiga yang terbesar hasil pengeluaran pertanian negara untuk menambahkan lagi bahan makanan dalam dunia ini, sebagai mana firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran-ulkarim yang bermaksud: "Dialah yang menjadikan bagi kamu apa sahaja yang ada di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di setengah-setengah tempat, koko ini boleh juga ditanam di dalam kebun-kebun getah sama ada getah tua ataupun getah yang ditanam semula sebagai tanaman sampingan. Oleh itu tanaman koko ini eloklah diperbanyakkan lagi perusahaannya sama ada kepada pekebun kecil getah ataupun di tanah ,yang terbiar yang begitu banyak di dalam negara kita. Walaupun masyarakat desa atau kampung sekarang ini belum begitu mahir dengan konsep tanaman koko ini dan belum begitu sedar dengan hasil projek ini, maka Kerajaan di dalam usahanya memperbanyakkan tanaman koko ini perlulah juga menyediakan bantuan-bantuan dan subsidi kepada pekebun-pekebun, disamping memberi tunjuk ajar dan penerangan kepada mereka dan juga hendaklah diawasi oleh pegawai-pegawai yang terlatih di dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan dan subsidi yang saya cadangkan itu, hendaklah diawasi benar-benar supaya masyarakat kampung tidak mempermain-mainkan terhadap usaha Kerajaan ini seperti mana yang telah berlaku kepada masa-masa yang lalu, diberi baja - dijual ataupun baja itu sendiri ditinggalkan di bawah rumah tidak sampai ke pokok-pokok.

Manakala diberi benih, benih pula subur dan membesar di halaman rumah dan tidak sampai ke kebun-kebum dan sehingga berbuah di halaman rumah menjadi semak-samun di kawasan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan menyediakan dan tngumpulkan masyarakat kampung menjadi petani berkelompok. Misalnya, 4-5 orang di sebuah kampung dengan tanahnya yang sesuai dan diberi kontrak untuk mengusaha dan menanam koko sehingga mendapat hasil sepertimana yang telah dilakukan oleh FELCRA dan sebagainya, ataupun suatu sistem yang lain yang difikirkan sesuai supaya tidaklah subsidi dan bantuan yang diberi oleh Kerajaan itu menjadi sia-sia dan tidak ada nilai kerana ini bukan sahaja merugikan masyarakat dan pekebun, bahkan lebih-lebih lagi yang merugikan ialah Kerajaan dan negara keseluruhanya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan pasaran pula, bila pertanian koko ini telah meluas, ianya tentulah berkehendakkan kepada suatu pasaran yang benar-benar berjaya. Walaupun baru sebentar tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Menteri Perusahaan Utama mengatakan perusahaan koko di dunia sekarang ini -adalah lembab tetapi kita mengharapkan apakala usaha ini dijalankan nanti, insya Allah, perusahaan ini akan mendapat kejayaan dan mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat, begitu juga rakyat di negara lain.

Oleh itu perlulah pihak yang berkenaan membuat kajian mengenai hasil pertanian ini kerana dikhuatiri apabila buahnya berlambak-lambak di pasaran tetapi tiada harga yang sesuai. Biarlah hasil ini kita jadikan sebagai hasil minuman kepada rakyat negara kita kerana kita tahu kita juga banyak mengimport minuman daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi keadaan kita hari ini oleh kerana kita sudah mengadakan Rang Undang-undang Lembaga Koko ini perlulah kita teruskan, maka kilang-kilang perusahaan kecil eloklah kita galakkan penubuhannya untuk memproses hasilnya untuk dipasarkan hasil pemerosesan itu kepada negara-negara yang ingin kepada pengeluaran kita kerana harapan kita tidaklah harga koko ini senantiasa lembab.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Bahagian II iaitu Fasal 3 berhubung dengan keanggotaan Lembaga ini, selain daripada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengandungi seorang Pengerusi dan 15 ahli yang lain yang mewakili kepentingan-kepentingan lain di dalam industri koko atau Kerajaan Persekutuan atau kepentingan Negeri-negeri, maka di sini saya mencadangkan selain daripada apa yang telah tertera di sini iaitu seorang Pengerusi, seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi industri koko, seorang wakil Perbendaharaan, seorang wakil Kementerian Pertanian, seorang wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, 5 orang wakil Industri koko, tidak lebih daripada 6 orang mewakili kepentingan-kepentingan lain di dalam industri koko dan Kerajaan Persekutuan atau kepentingan Negeri-negeri.

Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah Bahagian II, Fasal 3(2)(g) iaitu saya cadangkan mereka itu hendaklah terdiri daripada masyarakat tani, ahli politik, ahli di dalam bidang agama, ahli perniagaan dan lain-lainnya itu adalah daripada pegawai-pegawai yang terlibat dengan konsep pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana koko ini banyak khasiatnya, bukan sahaja ianya menjadi minuman dan makanan yang lazat citarasanya, saya juga pernah mendengar orang tua-tua bercakap bahawa buah

koko ini adalah amat berkhasiat untuk menyembuhkan penyakit sengal-sengal tulang dan boleh menguatkan tenaga. Kalau ianya benar, diharapkan pihak yang berkenaan menjalankan kajian dan penyelidikan di dalam hal ini agar segala usaha Kerajaan itu akan tercapai dan menghasilkan kejayaan cemerlang dan dengan adanya Rang Undang-undang ini diharapkan kita semua rakyat Malaysia akan bertambah sihat dan kuat di dalam menjalankan tugas kita sehari-hari kerana dapat menikmati hasil negara sendiri. Firman Allah di dalam al-Quranulkarim, yang bermaksud: "Makanlah daripada apa yang baik yang Kami beri rezeki kepada kamu".

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sabah, Yang Berhormat Pandikar Amin Haji Mulia,
5.38 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan. mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya atas 4 sebab:-

- (1) saya adalah penagih coklat dan peminum koko;
- (2) saya adalah Pengerusi, Sabah Marketing Corporation Sdn, Berhad, satu agensi Kerajaan Negeri Sabah yang bertanggungjawab untuk memasarkan sekurang-kurangnya 20% daripada 60% koko yang dikeluarkan oleh Malaysia melalui negeri Sabah;

- (3) untuk menunaikan tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat; dan
- (4) saya akan bentangkan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Dewan Senat yang mulia ini meluluskan Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi dan yang sedang saya bahas sekarang ini, maka tertubuhlah satu Lembaga Koko Malaysia, satu badan dan sekiranya selepas diluluskan oleh Dewan ini, diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka bernyawalah nanti Lembaga ini, dia mulai berfungsi sebagai satu badan.

Sepertimana yang telah diterangkan oleh wakil Menteri yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini ditubuhkan atas dua sebab yang menonjol -

- (1) untuk memperkukuhkan penyelidikan dan kemajuan pemerosesan dan pemasaran biji koko; dan
- (2) mengawal pendaftaran dan pelesenan dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa penubuhan Lembaga ini adalah langkah positif Kerajaan Persekutuan ke arah kebaikan dalam meninggikan atau mempertingkatkan lagi prestasi industri koko negara ini. Saya fikir tindakan ini adalah kena pada masanya dan sangat-sangat dialu-alukan oleh mereka yang berkecimpung dalam industri koko terutama sekali di mana harga komoditi biji koko tidak begitu menentu di masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Rang Undang-undang ini menjalani pemerosesan penggubalan oleh Menteri yang berkenaan, saya ada terbaca di suratkhbar tempatan di Negeri Sabah di mana ibupejabat Lembaga ini nanti ditempatkan di Negeri Sabah dan sebenarnya saya telah mempunyai tekad untuk meminta Kementerian yang berkenaan untuk menempatkan Lembaga ini di situ. Setelah mendengar sebentar tadi daripada wakil Menteri yang berkenaan bahawa ibupejabat Lembaga Koko ini akan ditempatkan di Sabah, saya hampir terlorapat dari tempat duduk kerana gembira, gembira oleh kerana Sabah telah diberi penghargaan mungkin atas dua sebab, dan kalau tadi tidak diumumkan atau sebab ini akan juga saya beri.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya ialah:-

- (i) Negeri Sabah adalah pengeluar utama biji koko dalam Malaysia iaitu lebih kurang 60% daripada koko yang dieksport dari negara ini.

- (ii) Negeri Sabah mempunyai tanah yang luas dan mempunyai banyak potensi dalam pembangunan, penyelidikan dan perkara-perkara lain mengenai dengan industri koko.

Tuan Yang di-Pertua, pendeknya kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan untuk menyambut penghormatan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penubuhan Lembaga ini, kita telah difahamkan bahawa Lembaga ini akan mendapat kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau di masa-masa akan datang setelah harga koko nanti naik daripada peladang-peladang koko melalui pembayaran ses dan dalam hubungan ini saya suka menyarankan kepada Lembaga Koko Malaysia supaya berhati-hati dalam semua tindakan yang perlu diambil dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya yang disenaraikan dalam Fasal 8 Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak payah saya rujuk kepada Fasal 8 oleh kerana telahpun dibentangkan sebentar tadi - kerana setiap tindakan yang diambil sesuai dengan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini memerlukan kewangan dan seperti mana yang kita tahu dalam keadaan ekonomi negara yang belum stabil ini kita tidak mampu untuk berbelanja dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, awal-awal tadi saya telah menyatakan bahawa Lembaga Koko ini ditubuhkan untuk memperkukuhkan penyelidikan dan pemasaran komoditi koko seperti mana dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan telahpun dimaklumkan sebentar tadi bahawa buat masa ini ada beberapa institusi atau agensi Kerajaan yang mengendalikan penyelidikan seperti MARDI, Jabatan Penyelidikan di Ouoin Hill di Tawau, Jabatan Pertanian, ladang-ladang swasta dan juga individu dan dalam bidang pemasaran pula juga telah dimaklumkan bahawa FAMA akan melibatkan diri, kalau di Sabah SAMA (Sabah Marketing Corporation) melibatkan diri dan SASCO melibatkan diri dalam pemasaran secara total.

Fasal 9 (a) Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Lembaga Koko untuk menubuh dan mengendalikan mana-mana institusi dan establishment untuk menunaikan fungsi-fungsinya. Bermakna Lembaga ini diberi kuasa untuk menubuhkan agensi-agensi menurut Fasal 9 (a).

Tuan Yang di-Pertua, jadi ingin saya menarik perhatian Kementerian berkenaan kepada suatu masalah. Masalahnya yang mungkin akan berlaku setelah ditubuhkan nanti Lembaga ini sekiranya tidak difikirkan awal-awal. Masalah ini ialah, pertama pertindihan tanggungjawab dalam penggunaan kakitangan iaitu duplication of manpower, dengan izin. Kedua, perbelanjaan kewangan yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya setelah tertubuhnya nanti Lembaga ini sesuai dengan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Rang Undang-undang ini ditubuhkan lagi institusi dan establishment yang dipertanggungjawabkan dengan penyelidikan dan pemasaran koko maka timbullah masalah pertindihan tanggungjawab dan pembaziran kewangan. Dan dari segi pemasaran pula timbullah nanti persaingan hebat di antara sesama sendiri di kalangan agensi-agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan agensi pemasaran tajaan Lembaga Koko ini kalau itu yang akan dibuat dan untuk mengelakkan kejadian serupa ini

berlaku tnaka pada peringkat awal-awal ini saya ingin mengemukakan cadangan-cadangan:-

- (i) Lembaga Koko tidak akan melibatkan dirinya secara langsung dalam bidang penyelidikan. Bidang penyelidikan ini biarlah ditinggalkan untuk dikendalikan oleh MARDI ataupun kalau difikirkan bahawa Lembaga ini juga harus membuat kerja-kerja ini hapuskan tanggungjawab MARDI dalam membuat penyelidikan tersebut iaitu penyelidikan mengenai dengan koko supaya tidak terdapat duplicity of job, dengan izin.
- (ii) Lembaga Koko tidak akan melibatkan dirinya secara langsung dalam bidang pemasaran kerana kalau sekiranya Lembaga Koko juga melibatkan diri dalam pemasaran seperti mana saya nyatakan tadi, timbullah persaingan sama misal kata agensi Kerajaan Negeri Sabah sudah membuat ini, FAMA juga membuat ini dan kalau lagi nanti Lembaga Koko membuat lagi satu badan untuk memasarkan, betapa hebatnya, saya boleh bayangkan betapa hebatnya agensi-agensi Kerajaan ini bersaing sesama sendiri. Kalau persaingan itu nanti akan mengakibatkan kebaikan, itu tidak apa, tetapi kalau mengakibatkan kernudaratan untuk industri koko dalam negara ini, saya rasa perkara seperti ini harus difikirkan lebih awal dari sekarang.

- (iii) Lembaga Koko sebaliknya bersedia untuk membiayai institusi-institusi yang sedia ada. Ini berkaitan dengan satu dan dua tadi, untuk memperhebatkan lagi kegiatan mereka dalam bidang penyelidikan.
- (iv) Lembaga Koko akan memberi galakan dan kerjasama penuh kepada institusi-institusi atau agensi-agensi Kerajaan mahupun Persekutuan ataupun Negeri dan swasta yang sedia ada, yang sedang giat dengan tugas-tugas pemasaran koko.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam hal ini, oleh kerana saya sebagai Pengerusi satu badan pemasaran untuk memasarkan koko, saya tidak mahu bertolakansur dengan Lembaga ini, kerana kalau misal kata timbul lagi satu, kita akan berada dalam dilema - bersaing sesama sendiri. Harus difikirkan lebih awal. Kalau keempat-empat cadangan saya tadi dipersejui atau diperkenankan oleh Kerajaan, maka akibatnya ialah menurut pendapat saya, mutu penyelidikan dapat dipertingkatkan dan dapat diselaraskan. Cara pemasaran pula dapat diperhebatkan; dan yang penting sekali, ialah perbelanjaan kewangan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat Kerajaan untuk mengawal pendaftaran dan perlesenan dengan lebih teratur melalui Lembaga ini nanti adalah baik, tetapi sukalah saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan amnya dan bakal Lembaga Koko Malaysia ini khususnya, kepada masalah kawalan perlesenan. Yang harus diingat, saya fikir ialah pertumbuhan ekonomi yang sihat dalam industri koko mesti digalakkan. Ini tidak akan tercapai sekiranya Kerajaan atau Lembaga ini mengenakan syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang ketat ke atas pengeluaran lesen. Oleh yang demikian, adalah diharapkan supaya

Lembaga ini akan bertindak waras dalam tindakannya berhubung dengan kuasa perlessnan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar kegiatan penanaman koko di negara ini adalah dikendalikan oleh sektor swasta dengan penyertaan Kerajaan yang agak minima. Maka itu adalah wajar bagi Lembaga ini nanti untuk memberi perhatian penuh kepada kehendak-kehendak dan sensitiviti industri koko di dalam mengimplimentasikan kewajipan di bawah Rang Undang-undang ini terutama sekali dalam aktiviti-aktiviti yang akan menimbulkan perasaan syakwasangka yang nanti akan menjejaskan hubungan baik di antara Lembaga ini dengan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diberi kepada Menteri yang berkenaan di bawah Fasal 3(2) Rang Undang-undang ini mencerminkan keikhlasan Kerajaan dalam usahanya meningkatkan taraf industri koko di mana di dalam melantik ahli-ahli Lembaga, Menteri yang berkenaan diwajibkan melantik lima orang sebagai wakil industri koko dan tidak lebih daripada enam orang mewakili kepentingan-kepentingan lain dalam industri koko atau Kerajaan Persekutuan atau kepentingan Negeri-negeri. Ini adalah mustahak, kerana dengan adanya penyertaan yang cukup dari pihak industri koko maka perasaan muhibbah dan semangat kerjasama di antara Lembaga Koko Malaysia dan sektor swasta akan terjamin .

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di bawah Fasal tadi kita nampak industri koko cukup diwakili, saya ingin mengemukakan satu permintaan lagi kepada Menteri yang berkenaan. Dalam menjalankan kuasa untuk melantik ahli-ahli Lembaga ini nanti - tadi sudah diberi jaminan, tetapi ini saya minta lagi supaya terang, biar dia terang lagi bersuluh, iaitu dalam menjalankan kuasa untuk melantik ahli-ahli Lembaga ini nanti, biarlah faktor utama lantikan itu berdasarkan kepada kebolehan dan pengalaman ahli-ahli itu dalam

industri koko terutama sekali bila melantik Pengerusi. Kalau boleh, janganlah lantikan itu berbau politik, sebab ini akan memudaratkan sahaja kepada industri koko nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan pendapat ini kerana biasanya di negara kita ini kita dapati bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu agensi atau lembaga itu berhubung kait rapat dengan personality Pengerusinya, ini kenyataan. Bakal Pengerusi Lembaga Koko ini, Tuan Yang di-Pertua, besar kuasanya. Dengan izin, saya ingin merujuk kepada Jadual Pertama dalam Rang Undang-undang ini iaitu seksyen 3(3), dan saya baca, Tuan Yang di-Pertua

"3(3). Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyaknya, Pengerusi atau anggota yang manpengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus selain daripada undi biasanya."

Dia mempunyai undi pemutus. Oleh yang demikian, sebelum melantik Pengerusi Lembaga ini, penyelidikan terperinci terhadap latarbelakangnya harus dibuat dan dengan penuh rendah hati saya mencadangkan ini, sebagai tambahan kepada kriteria-kriteria yang dibentangkan sebentar tadi oleh Menteri yang berkenaan - saya mencadangkan agar kriteria-kriteria yang saya sebut sebentar lagi dapat diambil kira. Kriteria-kriteria ini ialah :

- (i) si bakal pengerusi harus mempunyai banyak pengalaman dengan industri koko sama ada dari segi pengeluaran atau pemasaran biji koko;

- (ii) si bakal pengerusi berpersonality yang disegani bukan sahaja oleh pihak industri koko tetapi juga oleh pemimpin-pemimpin, sesuai dengan pengalamannya dengan industri koko ;
- (iii) si bakal pengerusi berpersonality seperti diplomat yang berkebolehan mempengaruhi persidangan-persidangan koko antarabangsa; dan
- (iv) si bakal pengerusi faham mengenai betapa sensitifnya industri koko di dunia - amat sensitif, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga bila ahli-ahli Lembaga lain dilantik, latarbelakang mereka harus diselidiki terlebih dahulu demi untuk kebaikan industri koko.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga Lembaga Koko setelah tertubuh, harus mengadakan perbincangan yang kerap dengan badan-badan lain yang mewakili industri koko semasa menggubal polisi dan strategi sesuai dengan kehendak industri koko semasa, kerana sudahpun diterangkan tadi bahawa akhir-akhirnya pembiayaan utama kelak kepada Lembaga ini ialah dari industri koko itu juga. Setelah nanti harga koko sudah meningkat naik dan mungkin Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak lagi memberi wang bantuan kepada Lembaga ini, maka ses akan mula dikenakan kepada penanam-penanam koko dan pembiayaan utama kepada Lembaga ini nanti ialah industri koko itu sendiri. Maka itu, perbincangan dengan wakil-wakil industri koko seringkali, saya cadangkan supaya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat banyak ladang-ladang koko terutama sekali di negeri Sabah yang menghadapi masalah wang pusingan dan masalah ini amat sukar diatasi terutama bagi mereka yang meminjam wang dari institusi kewangan kerana di samping perlu untuk kegunaan perbelanjaan pentadbiran, bayaran bunga, dengan izin, interest kepada wang yang dipinjam itu perlu juga dibayar dan kepada ladang-ladang yang tidak tahan dengan keadaan yang amat mencabar ini terpaksa ditutup. Keadaan ini terdapat adalah disebabkan oleh harga biji koko yang menurun yang telah juga tadi disebutkan oleh wakil Menteri yang berkenaan daripada \$10,000 satu metrik tan dalara tahun 1978-1979 kepada harga yang begitu rendah sekali pada masa kini iaitu lebih kurang dalam lingkungan \$3,200 - \$3,500 satu metrik tan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut peramal-peramal ahli-ahli industri koko dalam negara ini bahawa harga seumpama ini akan berterusan sehingga pengeluaran koko yang berlebihan di dunia sekarang ini meningkat pada paras 7,000 metrik tan setahun dapat diturunkan. Kalau ini tidak dapat diturunkan dalam jangka masa yang pendek adalah diramalkan harga koko itu akan lebih menurun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah harga koko yang menurun ini, saya fikir wajarlah Lembaga Koko Malaysia ini ditubuhkan dan sesuai dengan peruntukan Fasal 8(g), saya mencadangkan kepada Lembaga Koko Malaysia dan saya juga merayu kepada Kerajaan Malaysia supaya Lembaga Koko mempengaruhi Kerajaan dan saya juga meminta kepada Kerajaan untuk menimbang semula pendirian Kerajaan yang tidak menyertai pertubuhan International Cocoa Organisation (ICCO) yang menaja satu Perjanjian Koko Antarabangsa (International Cocoa

Agreement) mengenai dengan bagaimana cara koko dihargai, bagaimana polisi-polisi koko di dunia ini.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menyertai badan ini dan saya mencadangkan dan saya merayu kepada Kerajaan supaya turut sama. Sebab-sebabnya nanti saya akan terangkan. Tuan Yang di-Pertua, di masa kini, saya fikir Malaysia menduduki tangga yang ketiga untuk pengeluaran koko tetapi wakil Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa kita ditangga keempat selepas Ivory Coast, Brazil dan Ghana tetapi itu bukan soal penting, tangga ketiga dan keempat tidak berapa jauh bezanya. Yang penting adalah juga diramalkan oleh ahli-ahli peniaga koko bahawa dalam masa yang singkat, mungkin 5 tahun - 10 tahun dari sekarang, Malaysia akan menjadi pengeluar utama koko di dunia. Dan sebagai pengeluar koko utama di dunia nanti, kita perlu sokongan daripada pengeluar-pengeluar dari negara-negara lain dalam menggubal polisi dan strategi mengenai koko. Jadi, soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana dan cara apa kita boleh mempegaruhi mereka, sedangkan kita tidak boleh turut berunding dengan mereka- di mesyuarat-mesyuarat yang ditaja oleh ICCO kerana kita bukan ahli. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ini bukan sebagai seorang Ahli Dewan Negara ini, saya tidak bisa mungkin berdiri di sini dan turut berbahas dan saya tidak bisa mungkin mengemukakan pendapat saya mengenai dengan koko.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak menyertai ICCO mungkin, saya tidak katakan pasti, mungkin kita akaa menghadapi masalah seperti berikut:

- (i) ada ura-ura yang menyatakan bahawa ICCO (Badan Koko Antabangsa) ini akan menggubal satu price mekanisme, two tier pricing yang merapunyai pricing dua tangga di

mana koko yang dikeluarkan oleh negara-negara yang menjadi ahli badan ini mempunyai harga yang lebih. Trading Houses di London akan membeli harga koko yang dikeluarkan oleh negara-negara ahli lebih tinggi daripada keluaran negara yang bukan ahli. Dan kalau ini nanti, ura-ura ini atau berita-berita angin ini menjadi kenyataan, maka industri koko Malaysia akan menghadapi satu masalah yang paling besar. Misalnya kalau harga koko sekarang ini \$3,500 satu metrik tan, nanti polisi ini dibuat sebagai kenyataan, maka koko kita akan diberi harga atau dibeli dengan harga cuma \$3,200 satu metrik tan.

- (ii) seperti Internatiol Natural Rubber Organisation (INRO), ICCO juga mempunyai pengurusan Buffer Stock dan untuk pengetahuan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, pengurusan Buffer Stock ICCO itu seperti INRO mempunyai fungsi kalau sekiranya terdapat di pasaran dunia itu pengeluaran koko telah melebihi, maka badan pengurusan Buffer Stock ini boleh membeli koko untuk disimpan, menunggu sehingga masanya nanti akan dikeluarkan untuk menstabilkan harga koko di dunia dan pengurusan Buffer Stock dalam ICCO ini kita dengar tidak akan membeli koko daripada pengeluar-pengeluar yang bukan ahli ICCO. Maka itulah sebabnya, saya katakan penting kita menyertai ICCO.

(iii) Sebabnya kenapa kita harus menyertai, walau kita tidak menyertai sekarang ini kita tidak ahli. Walaupun kita tidak menyertai, sebarang polisi yang digubal oleh badan ini iaitu ICCO akan melibatkan kita juga. Misalnya kalau sesuatu polisi yang digubal itu nanti mengakibatkan harga koko menurun, harga koko kita juga turut menurun, tetapi sebaliknya kalau kita turut menjadi ahli badan ini, bagi pendapat saya, kebbaikannya untuk kita adalah seperti berikut:

(a) Walau apapun akibat polisi yang digubal oleh ICCO, walau apapun akibat misalnya kalau harga koko turun ataupun harga koko naik, kita tidak menyesal kerana setidak-tidaknya kita ada turut membahas polisi itu. Seperti saya membahaskan sekarang, walaupun apa cadangan saya tidak diterima oleh Kerajaan, saya tidak menyesal kerana saya sudah juga kemukakan pendapat saya.

- (b) Kita tidak payah lagi membayar yuran kepada badan ICCO ini kerana selama ini kita sudahpun membayar levy sebanyak US\$38 setan. Ahli atau tidak ahli, kita kena bayar juga levy kepada badan ICCO ini dan cara pembayaran levy ini adalah ditolak daripada harga koko yang kita jual di London Cocoa Terminal, dengan izin, kerana Cocoa Trading Houses mengenakan levy ini. Ahli atau tidak ahli kita juga dikenakan membayar US\$38 bagi tiap-tiap satu metrik tan. Jadi kenapa kita harus membayar US\$38 tiap-tiap satu metrik tan ini? Kalau kita tidak menyertai itu apa ruginya kita?
- (c) Kalau boleh biarlah kita gunakan pengalaman kita untuk merapengaruhi Badan Pengurusan Buffer Stock untuk menstabilkan harga koko seperti yang kita buat sekarang dalam badan INRO. Dalam INRO Malaysia adalah negara penaja utama Agreement Antarabangsa mengenai dengan getah, oleh kerana kita adalah pengeluar utama. Kalau ini kita boleh buat dalam badan INRO untuk mempengaruhi negara-negara lain yang juga mengeluarkan getah dan kita menjadi penaja utama dan apa niat kita untuk kebaikan negara kita yang kita sampaikan itu mendapat sokongan, raengapa kita tidak boleh buat dalam ICCO? Kita mempunyai pengalaman yang banyak mengenai dengan pengurusan komoditi pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin kemukakan untuk perhatian Menteri yang berkenaan ialah mengenai dengan masalah harga koko kita di pasaran antarabangsa khususnya di London Cocoa

Terrainal. Kalau Tuan Yang di-Pertua- kurang faham, kurang tahu, untuk makluman, bahawa kalau sekiranya harga koko di London Cocoa Terminal itu ialah £1,000 satu metrik tan, misal kata, harga koko Malaysia bukan begitu.

Biasanya harga koko Malaysia yang diperdagangkan di London Cocoa Terminal, dengan izin ialah £185 hingga £220 tiap-tiap metrik tan lebih rendah daripada harga pasaran yang kita nampak di London Cocoa Terminal. Kalau rakyat kita tidak faham dengan ini, dia fikir sekiranya kalau harga koko di London Cocoa Terminal ialah £1,000 tiap-tiap metrik tan, dia fikir itu juga harga koko kita. Yang benarnya bukan itu harga koko Malaysia dan ianya lebih rendah £185 hingga £220 tertakluk kepada turun-naiknya harga koko dan ini mempunyai sebab. Sebabnya telahpun diutarakan tadi oleh wakil Menteri yang berkenaan iaitu saiz biji koko kita tidak sama rata - ada yang sebesar ibu jari, ada yang sebesar kelingking, ada yang macam telunjuk. Jadi cara grading kita itu kurang memuaskan. Kita cuma cainpur-campurkan biji-biji koko ini dalam karung, selepas itu kena dicap oleh Surveyor yang memastikan bahawa kualiti grading itu tepat baru dikirimkan ke sana. Oleh kerana pembeli-pembeli koko di Eropah tahu dengan keadaan ini, maka mereka memberi dengan harga yang lebih rendah.

Sebab kedua, mutu koko kita itu. Mutu koko adalah amat penting oleh kerana ia juga akan menentukan harga yang kita dapat, kerana di Malaysia ini biasanya koko ini kadang-kadang dalam pemerosesan misal kata sudah dikeringkan. Tetapi sebelum dikeringkan, kita buat fermentation dahulu, dengan izin, dan lepas fermentation itu baru dikeringkan. Cara kita mengering biji koko ini tidak sama dengan cara di Brazil, Ghana atau Ivory Coast, kerana setelah kering, yang lain kering terlampau kering, yang lain kering basah-

basah kering, yang lain biji koko terus hangus. Ini masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Oleh kerana fasal masalah ini, pasaran koko kita di negara-negara luar terhad dan cuma pembeli-pembeli yang tertentu sahaja yang membeli koko dari Malaysia. Jepun, misal kata, tidak membeli koko dari Malaysia oleh kerana fasal mutu. Menurut apa yang saya tahu, Jepun terlampau rumit untuk dipuaskan hati mereka mengenai dengan koko. Mereka cium dahulu biji koko itu. Dia kata, "Oh! No good", dengan izin, fasal bau sahaja. Ini semua boleh diatasi sekiranya Kerajaan Malaysia buat penyelidikan ikut contoh seperti di Ghana, contoh seperti di Ivory Coast, contoh seperti di Brazil supaya koko kita dapat kita pasarkan kepada banyak lagi pasaran untuk kebaikan cocoa industry. Bayangkan sahaja dengan duti setiap metrik tan yang kita keluarkan £185 hingga £220 yang kita kurang daripada negara-negara lain, berapa banyak pembaziran yang kita buat, yang boleh kita dapat sebagai income, dengan izin, daripada koko.

Mengenai perkara ini sukalah saya mencadangkan kepada Lembaga Koko ini nanti ataupun kepada MARDI ataupun kepada pihak-pihak yang berkenaan yang menjalankan penyelidikan terhadap biji koko supaya satu polisi ataupun sistem dapat digubal di mana cara kita untuk memproses biji koko itu adalah setaraf dan setanding dengan cara negara-negara luar yang juga mengeluarkan koko.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai peringatan saya yang terakhir kepada Lembaga Koko Malaysia ialah di dalam menjalankan tugas sesuai dengan peruntukan Rang Undang-undang ini, faktor utama yang harus diambil ialah harga koko yang sedang menurun di masa kini kerana

sebarang tindakan yang menjejaskan lagi harga koko sekarang akibatnya akan ditanggung oleh beribu-ribu pekebun kecil bumiputra dan industri-industri yang berkaitan dengan koko. Yang menanggung akibatnya yang amat berat ialah pekebun-pekebun kecil bumiputera di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan yang sedemikian, saya mohon menyokong.

6.18 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia 1988. Sebagaimana yang kita tahu, pada tahun-tahun kebelakangan ini koko telah menjadi salah satu barangan eksport utama negara kita yang menghasilkan berjuta-juta ringgit sebagai pertukaran wang asing untuk negara kita setiap tahun. Kerana galakan Kerajaan dan dengan harapan akan mendapat harga yang baik di pasaran antarabangsa, pengusaha-pengusaha kita telah menambahkan pelaburan di bidang penanaman koko ini. Dengan demikian kawasan penanaman koko semakin meluas dan pengeluaran koko pun bertambah dengan banyaknya.

Memandangkan peranan pentingnya pengeluaran koko itu terhadap pertumbuhan ekonomi negara maka Kerajaan perlu mengawalselia dan menyelaraskan perjalanan yang sempurna dalam pengeluaran, pemerosesan, penstoran, pengangkutan dan pemasaran koko dan keluaran koko. Memastikan kualiti yang tinggi untuk koko dan keluaran koko dengan menetapkan standard-standard dan suatu sistem penggeredan yang cekap supaya barangan kita ini dapat bersaing dengan barangan yang sama dari negara-negara lain di pasaran antarabangsa. Kerana itu beberapa fungsi dan tanggungjawab raengenai kemajuan perusahaan koko yang telah dijalankan oleh MARDI dan FAMA selatna ini akan diambil alih oleh Lembaga Koko Malaysia yang akan ditubuhkan di bawah Akta yang kita sedang bincangkan ini. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa MARDI dan FAMA telah menjalankan banyak penyelidikan dan kemajuan ke atas koko dan dengan itu telah memberi sumbangan kepada bukan sedikit kepada kemajuan perusahaan koko. Pengarabilan alih fungsi dan tanggungjawab ini adalah dipandang perlu untuk memesatkan lagi kemajuan perusahaan koko.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa Lembaga yang akan ditubuhkan di bawah Akta ini harus mempunyai fungsi-fungsi dan kuasa sepertimana disenaraikan di Fasal 8 dan Fasal 9 Rang Undang-undang ini.

Saya juga berharap Lembaga ini akan menunaikan fungsi-fungsinya itu dengan baik dan berkesan demi mendorong kemajuan perusahaan koko yang lebih pesat di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di Pasal 10 subseksyen (a) Rang Undang-undang ini Lembaga akan juga diberi kuasa-kuasa untuk mengadakan perundingan-perundingan dan perkiraan dengan menubuhkan suatu perbadanan yang mana maksud dan tujuannya belum ditentukan. Jika Perbadanan ini hanya menjalankan sebahagian atau semua fungsi sebagaimana yang diberi oleh Lembaga maka tiada apa-apa yang boleh dipersoalkan.

Tetapi menurut peruntukan Fasal 10 subseksyen (1) perbadanan ini akan melaksanakan, menjaga dan mengelola dan menguruskan bagi pihak Lembaga apa-apa perusahaan yang dirancang oleh Lembaga. Saya belum faham akan maksud "perusahaan" yang disebut dalam subseksyen ini. Juga perkataan "perusahaan" ini dikaitkan dengan perkataan-perkataan mengadakan apa-apa rundingan dan perkiraan di Fasal 9 subseksyen (b). Jangan-jangan nanti timbul satu salah faham bahawa Kerajaan hendak campur tangan dalam perniagaan koko atau akan bersaing dengan pengusaha-pengusaha atau pedagang-pedagang koko swasta melalui penubuhan perbadanan itu.

Dalam ekonomi negara, kita mengamalkan perusahaan bebas; maka saya berharap Kerajaan tidak bermaksud mencampuri atau bersaing dengari pedagang-pedagang atau pengusaha-pengusaha swasta dalam perniagaan koko dan Lembaga atau Perbadanan yang ditubuhnya akan hanya menjalankan segala fungsi atau tugasnya untuk menggalakkan kepentingan umumn akan industri koko. Dengan kata lain ianya hanya akan berusaha menolong pengusaha-pengusaha kita dalam mempertahankan kualiti koko dan keluaran koko yang tinggi dalam menggalakkan jualan dan pemasaran barangan kita itu di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, harga barangan kita termasuk keluaran pertanian adalah tertakluk kepada keadaan bekalan dan permintaan barangan demikian itu di pasaran antarabangsa juga terpengaruh oleh kemajuan ekonomi negara-negara maju serta persaingan dari negeri-negeri lain. Maka harga keluaran pertanian kita termasuk koko dan keluaran koko sering turun naik, tidak tetap.

Ketika harga barangan naik, pedagang atau pengusaha kita dapat menjalankan perusahaan dan perdagangan mereka dengan untung. Kerajaan kita pun dapat memungut lebih banyak ses atas eksport keluaran kita. Jikalau harganya turun meleset sehingga lebih rendah daripada harga pengeluarannya, pengusaha-pengusaha atau petani-petani akan mengalami kerugian. Kadang-kadang juga kerugian besar. Ketika itu pengusaha-pengusaha berkenaan merasa susah bagi mereka meneruskan perusahaan mereka. Bagi petani-petani pun susahlah mencari sara hidup mereka dengan meneruskan penanaman mereka.

Maka adalah diharapkan bahawa Kerajaan atau Lembaga boleh menyediakan satu kumpulan wang bukan hanya untuk maksud-maksud yang ternyata dalam Fasal 18 subseksyen (3), tetapi juga bagi membantu pengusaha-pengusaha atau petani-petani berkenaan mengatasi kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi melalui pemberian subsidi-subsidi atau apa-apa cara juga demi kemajuan pertanian dan pertumbuhan ekonomi negara kelak.

Saya merayu kepada Kerajaan agar usul yang saya sebutkan tadi itu dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia 1988 itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

6.27 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya bagi tujuan memberi tumpuan negara dan pendekatan yang lebih teratur bagi memperkukuhkan penyelidikan sebagai tunjang ke arah pemerosesan dan kemajuan ke arah pemasaran yang berkesan.

Dalam usaha memperbadankan Lembaga Koko Malaysia ini, kita percaya akan bertambah satu lagi kegiatan penanaman yang tersusun bagi tujuan peningkatan pendapatan petani dan negara sendiri.

Seperti yang kita sedia maklum sebuah Lembaga yang bernama Lembaga Tembakau Negara telah berfungsi dengan baik dan dengan jayanya membangunkan ekonomi negara. Dan dengan wujudnya Lembaga Koko ini kita mempunyai keyakinan perjalanan pentadbiran dan pelaksanaan pembukaan kawasan-kawasan bagi tujuan menanam semula berupa estet tanaman berkelompok atau tanaman terus oleh para petani yang dirancang menyerupai sekurang-kurangnya atau melebihi struktur Lembaga Tembakau Negara yang ada.

Dalam melantik Ketua Pengarah dan kakitangan lain, Lembaga hendaklah diberi kepada mereka yang betul-betul layak dan berkemampuan seperti yang diutarakan oleh rakan saya sebentar tadi untuk menjalankan tugas kerana selain dari peruntukan kewangan yang akan diberi dengan cukup melalui Kumpulan wang Lembaga Koko Malaysia dan kuasa meminjam wang bagi tujuan perabangunan Lembaga maka anggota-anggota Lembaga nadi kepada tindakan pelaksanaan yang berkesan.

Apa yang diharapkan bila sahaja Rang Undang-undang ini yang akan kita luluskan sebentar lagi akan yang juga akan berkuatkuasa serta merta akan mengembang sayap merangkumi seluruh kawasan tanah-tanah baru dibuka yang berupa estet atau kawasan-kawasan tanah yang ter-**biar**. Malahan di sekitar kampung-kampung yang rata-rata masih ada ruang yang boleh ditanam secara kecil-kecilan dan kalau ini boleh dilaksanakan kita bukan sahaja dapat terus melaksanakan dan meng-**u**aahakan tanaman dengan segera malahan membuka peluang kepada pkerjaan pula kepada petani-petani yang telah sedia ada tanah di kebanyakan kampung di seluruh Malaysia.

Dalam pelaksanaan ke arah pemerosesan koko, saya suka mencadangkan berasaskan tanaman semula yang sedia ada ke kawasan kampung yang sedia ada tenaga ke arah pembukaan kawasan-kawasan tanah baru yang bersesuaian kerana seperti yang kita sedia maklum tanaman koko cuma memakan masa antara 18 ke 24 bulan dapat mengeluarkan hasil. Jadi, di Julai 1988 kita meluluskan Rang Undang-undang Pemerbadanan ini, insya Allah, di Mac 1990 nanti kita akan dapat membuat satu soalan bertulis di Dewan yang mulia ini bagi dijelaskan oleh pihak Menteri yang berkenaan hasil dan dari usaha gigih yang dijalankan selepas kewujudan Pemerbadanan ini.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin membahas, saya persilakan Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

6.31 ptg.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ternyata walaupun tidak begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tetapi pengwujudan Lembaga Koko yang akan dilaksanakan ini nanti telah mendapat perhatian yang saksama daripada Ahli-ahli daripada Dewan yang mulia ini.

Perhatian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh sebentar tadi di antara perkara yang paling menarik perhatian saya ialah soal koko boleh dijadikan ubat untuk menghilangkan sakit-sakit sengal. Perkara ini boleh diambil perhatian dan kalau mungkin ini adalah benar dan saya juga yakin mungkin, ada kemungkinan benarnya, maka satu lagi kecambah ketemuan akhir dalam masalah koko yang akan dikeluarkan oleh negara kita ini.

Menyentuh di dalam masalah meminta supaya Perbadanan ini apakala diwujudkan nanti supaya menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah supaya mengadakan selingan koko di dalam ladang ini, memang sejak daripada sedianya, daripada sekarang lagi pun pihak Kerajaan telah menggalakkan pekebun-pekebun kecil bagi mengadakan tanaman-tanaman selingan seperti koko ini.

Tiga Ahli Yang Berhormat menyebut sama di dalam masalah bantuan, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Pandikar Amin kita dalam soal bantuan. Sememangnya bagi pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian bahkan pengwujudan Lembaga ini sendiri ialah bermatlamat untuk memberi penumpuan kepada ekonomi rakyat dan negara. Justeru yang demikian, sudah tentu di dalam soal bantuan kepada penanam-penanam koko ini akan diberi perhatian andainya soal ini menjadi salah satu daripada faktor bagi Lembaga ini mencapai matlamat sepertimana yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan juga bersama oleh ketiga-tiga bahkan keempat Ahli Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah dan Yang Berhormat Tuan Tiong di dalam masalah perlantikan keahlian. Insya Allah, apa yang telah ditegur dengan penuh ikhlas dan membina ini akan dijadikan satu inspirasi bagi pihak Kerajaan apakala untuk melantik Pengerusi khususnya dan juga Ahli-ahli Lembaga seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita bertuah Dewan ini tatkala Rang Undang-undang ini dibentangkan rupa-rupanya kita mempunyai seorang ahli koko dalam Dewan ini, iaitu Yang Berhormat Pandikar Amin. Moga-moga pandangan yang begitu bermakna yang telah diberi di dalam Dewan ini sekali lagi saya dengan secara tegasnya memperingatkan bahawa bagi pihak Kerajaan apakala untuk mewujudkan Lembaga ini akan

mengambil banyak inspirasi daripada apa yang telah disuarakan oleh saudara Yang Berhormat, apatah lagi di dalam masalah empat perkara yang telah diusulkan sebentar tadi, terutama di dalam masalah penglibatan MARDI. Memang diakui akibat daripada usaha-usaha MARDI, FAMA dan lainlain perbadanan inilah sehingga menyebabkan koko suatu jenis tanaman yang baru bagi negara kita sehingga di dalam jangka waktu yang begitu singkat telah menjadi sebahagian daripada industri yang ditumpukan kepada negara.

Saya amat tertarik dan penuh yakin seperti apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pandikar Amin, walaupun di dalam jangka waktu yang begitu singkat dan muda, negara kita telah menjadi pengeluar koko yang keempat dan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Pandikar Amin, insya Allah di dalam jangka waktu yang sungguh singkat kita akan mampu akan menjadi negara pengeluar koko yang utama di dalam dunia, insya Allah. Dan saya lebih yakin lagi dengan pengwujudan Lembaga ini maka lebih singkat lagi waktu yang akan tercapai matlamat ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Pandikar Amin. Namun demikian, kepada agensi-agensi yang sedia ada sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam pembentangan awal tadi, agensi-agensi ini perlu dikekalkan seperti MARDI dan juga FAMA kerana agensi-agensi ini bukan sahaja dipertanggungjawabkan di dalam masalah koko tetapi juga pelbagai tanaman-tanaman yang lain. Sungguhpun begitu, walaupun perbadanan ini masih dikekalkan dengan pengwujudan satu lagi Lembaga Koko ini lebih memberi keutamaan untuk mencapai matlamat dari segi perkembangan industri koko, di samping badan ini terus ada dengan tugas-tugas yang telah sedia ada dan sebahagian daripada tugas di dalam masalah koko ini pula akan dikhususkan kepada Lembaga ini nanti. Maka saya percaya kecapaian

yang lebih cepat, lebih bermakna dan lebih berhasil bagi mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan terhadap rakyat dan negara akan segera terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di dalam masalah penyertaan negara, saudara Yang Berhormat memohon agar Lembaga ini nanti apakala dilahirkan, insya Allah dilahirkan, supaya mempengaruhi Kerajaan agar Kerajaan kita akan menyertai ICCO nanti. Ini satu pandangan yang amat membina dan insya Allah, bagi Kerajaan akan mengambil satu inspirasi bukan sahaja sekadar apa yang telah diutarakan oleh saudara Yang Berhormat Pandikar Amin bahkan kajian yang lebih mendalam dan terperinci agar dapat benar-benar kita melaksanakan dari segi untung-ruginya, buruk-baiknya di dalam masalah penyertaan ini, insya Allah, akan dijadikan satu inspirasi bagi mengkaji secara lebih terperinci .

Keempat-empat Yang Berhormat yang membangkitkan dalam soal ini tadi merupai pandangan yang sama di dalam masalah mutu. Tuan Yang di-Pertua, inspirasi daripada menyedari hakikat apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Habidah, Yang Berhormat Pandikar Amin, Yang Berhormat Tiong dan Yang Berhormat Puan Rogayah bahawa memang menyedari kelemahan-kelemahan daripada biji koko kita ini jika diperbandingkan di antara antarabangsa, maka dengan sebab yang demikianlah agar kita tidak terus-menerus menerima kelemahan-kelemahan mutu ini. Justeru yang demikianlah lahirnya sikap Kerajaan untuk mewujudkan Lembaga ini agar bukan sahaja di dalam soal 'quantity', dengan izin, dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, tetapi lebih-lebih lagi dari segi 'quality'nya. Inilah di antara tanggungjawab yang akan diberi kepada Lembaga ini sebagaimana yang telah saya utarakan pada peringkat awal tadi.

Akhirnya, saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah untuk membawa koko, ditanam bukan sahaja di kawasan-kawasan tanah terbiar atau di ladang-ladang baru ataupun terus diusahakan oleh pihak MARDI di kawasan tanah-tanah sebagai selingan tetapi juga dibawa ke kampung tradisional kerana barangkali Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah sendiri menyedari hakikat banyak tanaman-tanaman yang berada di kawasan kampung tradisional yang tidak begitu memberi penghasilan yang sebaik-baiknya untuk meletakkan rakyat setimpal dengan perkembangan ekonomi rakyat yang dikehendaki oleh Kerajaan pada hari inilah maka pindaan ini dibawa. Saya penuh yakin Lembaga ini nanti akan mengambil perhatian dan pandangan daripada apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Rogayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mungkin ada di antara yang telah diutarakan oleh saudara-saudari, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak menjawab dengan terperinci, tetapi namun demikian ternyatalah bahawa setiap teguran-teguran Yang Berhormat kesemua adalah membina bagi memberi panduan dan menjadi inspirasi kepada satu Lembaga yang baru ini iaitu Lembaga Koko Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Pada akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semoga Ahli-ahli Yang Berhormat semua selamat pulang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.46 petang.